



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS PUNCAK PERDANA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK MOHAMED BIN HAJI HUSSEIN  
PENGURUS CIK MINAH SONGKET DAN BATIK  
MENGKAJI MENGENAI PROSES PEMBUATAN SONGKET DAN BATIK  
YANG DIUSAHAKAN OLEH CIK MINAH SONGKET DAN BATIK**

**CHE ROSHAMANIE BINTI MOHD FOZI  
(2019528153)**

**NURUL NADIA BINTI KAMARUZAMAN  
(2019328831)**

**SEMESTER MAC 2020 – JULAI 2020**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS PUNCAK PERDANA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK MOHAMED BIN HAJI HUSSEIN  
PENGURUS CIK MINAH SONGKET DAN BATIK  
MENGKAJI MENGENAI PROSES PEMBUATAN SONGKET DAN  
BATIK YANG DIUSAHAKAN OLEH CIK MINAH SONGKET DAN  
BATIK**

**CHE ROSHAMANIE BINTI MOHD FOZI  
(2019528153)**

**NURUL NADIA BINTI KAMARUZAMAN  
(2019328831)**

**SEMESTER MAC 2020 – JULAI 2020**

## Isi Kandungan

No.	Isi Kandungan	Muka Surat
	Isi kandungan	i
	Abstrak (Bahasa Melayu)	ii
	Abstract (English)	iii
	Penghargaan	iv
	Senarai Abreviasi	v
1.0	Biodata Penemubual	1
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	3
3.0	Pengenalan Sejarah Lisan	4
4.0	Kajian Literatur	5
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	7
6.0	Log Temubual	100
7.0	Ralat	109
8.0	Indeks	110
9.0	Glosari	109
10.0	Rujukan	111
11.0	Ringkasan	113
12.0	Diari Penyelidikan	115
13.0	Senarai Soalan	117
14.0	Kesimpulan	125
15.0	Lampiran	126
	15.1 Surat Perjanjian	126
	15.2 Gambar dan Bahan-bahan Berkenaan	127
	15.3 Bahan Rujukan	132

## Abstrak

*Encik Mohamed Haji Hussein merupakan seorang pewaris yang menguruskan dan meneruskan legasi Cik Minah Songket dan Batik, Kota Bharu. Encik Mohamed berumur enam puluh lapan tahun yang berasal dari Kampung Penambang, Kota Bharu Kelantan. Atas desakan dan dorongan daripada keluarga, Encik Mohamed mula menguruskan Cik Minah Songket dan Batik setelah berlakunya krisis ITM yang menyebabkan beliau tidak dapat belajar sehingga habis semester. Cik Minah Songket dan Batik yang diusahakan oleh Encik Mohamed sudah pun terkenal daripada zaman ibunya lagi, iaitu Cik Minah. Sehingga kini, Cik Minah Songket dan Batik tetap menjadi pilihan orang ramai disebabkan oleh kualiti songket mereka yang menjadi bualan orang ramai dari mulut ke mulut. Dalam transkrip ini, banyak maklumat seperti cara penghasilan batik serta songket turut dibicarakan. Selain itu, maklumat tentang perbezaan asal songket dan batik dari negeri serta negara lain juga turut dibicarakan dalam temubual ini. Dari segi cabaran, Encik Mohamed tidaklah berdepan sangat dengan cabaran kerana beliau menyatakan bahawa kedai yang menjual songket masing-masing mempunyai pelanggan dan keistimewaan masing-masing. Yang menjadi kerungsingan beliau pada masa kini adalah terhadap anak muda kerana anak muda tidak terdedah dengan seni warisan songket.*

**Kata Kunci:** Cik Minah Songket dan Batik, Songket, Batik, Kelantan, Songket di Kelantan, warisan songket, anak muda

## Abstract

*Mr. Mohamed Haji Hussein is a heir of Cik Minah Songket dan Batik that manage business of Cik Minah Songket dan Batik, Kota Bharu, Kelantan. Encik Mohamed is sixty-eight years old that are from Kampung Penambang, Kota Bharu Kelantan. At the urging and encouragement of the family, Mr. Mohamed started managing Cik Minah Songket and Batik after the ITM crisis which caused him to be unable to study until the end of the semester. Cik Minah Songket and Batik that are worked by Mr. Mohamed are already famous from the time of her mother, namely Cik Minah. Until now, Cik Minah Songket and Batik remain the choice of the public due to the quality of their songket which is the talk of the people word of mouth. In this transcript, a lot of information such as how to make batik and songket is also discussed. Apart from that, information on the original differences of songket and batik from other states and countries is also discussed in this interview. In terms of challenges, Mr. Mohamed does not face much of a challenge because he states that the shops that sell their respective songkets have their own customers and privileges. What worries him nowadays is against young people because young people are not exposed to the art of songket heritage.*

**Keywords:** Cik Minah Songket dan Batik, Songket, Batik, Kelantan, Songket in Kelantan, songket heritage, youngsters

## **Penghargaan**

Assalamualaikum w.b.t

Pertama sekali, kami ingin memanjatkan doa kesyukuran kami ke hadrat Allah s.w.t dengan atas limpah kurnianya, kami telah berjaya menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan kepada kami.

Di sini juga kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pensyarah - Sejarah Lisan, Encik Jafalizan Bin Md. Jali di atas kesudian beliau dalam memberi segala tunjuk ajar dan bimbingan di dalam menjayakan projek ini.

Kami juga ingin merakamkan rasa jutaan terima kasih serta penghargaan kami kepada Encik Mohamed Bin Haji Hussein di atas kesudian meluangkan masa dan kerjasama yang beliau berikan semasa temubual ini dijalankan. Walaupun Malaysia dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimana semua orang perlu kurangkan pergerakan, Encik Mohamed tetap berbesar hati menerima kunjungan daripada kami untuk ditemubual dan kami amat berterima kasih kepada Encik Mohamed.

Tidak lupa juga kepada kawan-kawan kelas IM2465C yang telah bertungkus lumus berganding bahu membantu antara satu sama lain dalam menyempurnakan projek ini walaupun berada dalam keadaan pandemik ini. Tidak lupa juga sahabat handai yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menolong memberi apa jua bentuk pertolongan di dalam menyempurnakan tugas ini.

Sekian.

Terima kasih.

## Senarai Abreviasi

<b>Singkatan</b>	<b>Maksud</b>
CRF	Che Roshamanie Binti Mohd Fozi
NNK	Nurul Nadia Binti Kamaruzaman
EMH	Encik Mohamed Bin Haji Hussein
ITM	Institut Teknologi MARA
UiTM	Universiti Teknologi MARA
GLC	Government Link Company
KL	Kuala Lumpur

## 1.0 Biodata Penemubual

### 1.1 Penemubual Pertama



<b>Nama</b>	Che Roshamanie Binti Mohd Fozi
<b>Tarikh Lahir</b>	27/03/1997
<b>Tempat Lahir</b>	Tanah Merah, Kelantan
<b>Alamat</b>	Lot 990 Kg Paloh Wakaf Chomel 17500 Tanah Merah, Kelantan.
<b>No. Telefon</b>	01116549590
<b>Emel</b>	cheroshamanie@gmail.com
<b>Program</b>	Pengurusan Rekod (IM246)



## 1.2 Penemubual Kedua



<b>Nama</b>	Nurul Nadia Binti Kamaruzaman
<b>Tarikh Lahir</b>	21/11/1998
<b>Tempat Lahir</b>	Pasir Mas, Kelantan
<b>Alamat</b>	Blok DD-11, 46 Perumahan JPN Kg Dangar 17000 Pasir Mas, Kelantan.
<b>No. Telefon</b>	0192354182
<b>Emel</b>	naddy2111@gmail.com
<b>Program</b>	Pengurusan Rekod (IM246)

## 2.0 Biodata Tokoh



<b>Nama</b>	Mohamed Bin Haji Hussein
<b>Tarikh Lahir</b>	30/05/1952
<b>Tempat Lahir</b>	Kota Bharu, Kelantan
<b>Alamat</b>	5/1 -350 Kg Penambang 15350 Kota Bharu, Kelantan
<b>No. Telefon</b>	0139381616
<b>Emel</b>	Mohd1616@gmail.com
<b>Profesion</b>	Pengurus Cik Minah Songket dan Batik
<b>Bidang</b>	Perniagaan

### 3.0 Pengenalan Sejarah Lisan

Sejarah lisan adalah satu sumber sejarah yang dirakamkan sebagai kesinambungan kisah sejarah lampau oleh seseorang menerusi rakaman dan penulisan transkrip. Usaha mendokumentasikan sejarah lisan adalah satu usaha bagi memastikan sejarah lisan dari seseorang yang amat penting dapat direkodkan dan dipelihara. Oleh itu, Dokumentasi sejarah lisan ini merupakan satu subjek yang mementingkan pemeliharaan sejarah yang tidak direkodkan sebelum ini dan merupakan memori kepada peristiwa yang telah menjadi salah satu bukti bahan sejarah.

Dokumentasi sejarah lisan juga dapat membantu menambahkan lagi sumber-sumber sejarah yang sedia ada kini. Paling penting juga, sejarah lisan ini akan menjadi bahan dan sumber penyelidikan bagi generasi kini dan akan datang umumnya. Selain daripada itu, sejarah lisan merupakan salah satu sumber sejarah yang penting kepada pengkaji-pengkaji sejarah dan juga para pelajar khususnya. Melalui wawancara yang dijalankan, kita akan memperoleh maklumat sejarah berdasarkan pengalaman tokoh atau peristiwa penting yang hanya dialami oleh seseorang yang tahu tentang sesuatu peristiwa bersejarah itu.

Bagi memenuhi keperluan kursus pendokumentasian sejarah lisan atau dikenali sebagai *Oral Documentation* (IMR604), satu temubual lisan bersama tokoh telah kami jalankan dan memilih tokoh perniagaan dalam perusahaan songket dan batik. Tokoh tersebut adalah Encik Mohamed Bin Haji Hussein yang merupakan pewaris dan juga pengurus Cik Minah Songket dan Batik.

Kami berasa sangat bertuah kerana beliau sudi untuk ditemuramah dan meluangkan masa bersama kami walaupun dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat virus Covid-19. Penerimaan beliau merupakan satu penghormatan yang besar kepada kami kerana dapat menemubual seorang tokoh yang sangat berilmu dalam menguruskan perniagaan songket dan batik. Atas kepercayaan yang diberikan, kami telah menggunakan peluang sepenuhnya untuk menghasilkan sebuah rakaman temubual yang dapat memberi maklumat yang berguna di masa hadapan.

#### 4.0 Kajian Literatur

Tekstil yang dibuat oleh orang Melayu merupakan tekstil yang paling terkenal dalam masyarakat melayu oleh kerana rekaannya amatlah terkenal sehingga ke peringkat antarabangsa. Menurut Siti Zainon Ismail (1990), tekstil orang Melayu merupakan tekstil tradisional dimana ia sudah diperkenalkan dari awal abad ke 15 lagi. Tekstil yang dihasilkan oleh orang Melayu dikenali sebagai kraftangan yang direka dan digunapakai oleh bangsa Melayu untuk dijadikan pakaian formal untuk majlis adat seperti majlis perkahwinan dan lain-lain acara formal. Pada asalnya, tekstil Melayu dikenali sebagai kain tenun orang Bugis. Namun dalam kalangan orang Melayu, tekstil ini turut direka dan dihasilkan oleh masyarakat Melayu di Terengganu, Kelantan dan Pahang. Antara contoh tekstil Melayu adalah songket dan batik.

Songket merupakan sejenis tekstil yang ditunen dan disungkit menggunakan benang emas untuk menghasilkan corak pada songket. Selain itu, songket dikenali dengan nama lain seperti kain benang emas, kain beranlai, jong sarat, balapak basirek, songket penuh, dan juga sawek. Pada zaman dahulu, songket hanya boleh dipakai oleh orang-orang besar atau yang bergelar Raja sahaja kerana songket pada zaman dahulu sangat mahal dan kepelbagaian seni hias yang direka pada songket sangat cantik. Manakala, batik pula merupakan sejenis tekstil yang menggunakan teknik mencelup warna untuk menghasilkan corak rekaan pada songket. Selain songket, batik juga turut dihasilkan untuk golongan-golongan Raja terutama di negeri Terengganu dan Kelantan. Batik mempunyai pelbagai jenis nama mengikut bahan yang digunakan untuk menghasilkan batik tersebut. Salah satu batik yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu adalah batik pelangi. Batik pelangi adalah batik yang menggunakan teknik ikat kain kapas yang dicelup untuk dijadikan tekstil utama untuk menghasilkan selendang dimana selendang ini adalah untuk menutup kepala.

Kini, songket dan batik dalam kalangan masyarakat adalah tidak asing lagi. Oleh kerana ramai masyarakat Melayu memilih dan memakai kain jenis songket dan batik untuk majlis rasmi, maka terbentuklah perniagaan yang menghasilkan songket dan batik dan ia telah menjadi salah satu ekonomi tetap oleh masyarakat Melayu. Menurut Muhd Rashid & Fazlee (2010), perniagaan merupakan bidang kerjaya yang mampu membantu masyarakat mengembangkan ekonomi mereka. Di samping itu, perniagaan juga merupakan satu aktiviti yang begitu penting kepada

semua orang kerana ia banyak memberi impak dalam kehidupan seharian termasuk dalam kalangan masyarakat di Kelantan.

Menurut Mohd Zaki (2004), Kelantan merupakan sebuah negeri yang mempunyai majoritinya daripada masyarakat melayu. Pada mulanya, aktiviti pertanian merupakan aktiviti yang paling terkenal dalam kalangan masyarakat Kelantan. Namun, disebabkan aktiviti pertanian mendapat hasil yang rendah dan kurang lumayan, masyarakat Kelantan mengambil langkah untuk melakukan kerja sambilan yang tidak memerlukan modal yang besar untuk memulakannya. Oleh itu, masyarakat memulakan dan melibatkan diri untuk bekerja sambilan dalam industri kraftangan dan antaranya adalah industri batik dimana ia tidak memerlukan modal yang besar untuk membuatnya. Oleh sebab itu, industri batik telah menjadi ekonomi utama di Kelantan dan sekaligus bertapak di Kelantan. Sama juga seperti songket. Songket dan batik merupakan hasil kraftangan dan tekstil yang terkenal di Kelantan. Menurut Aniza Zainudin (2019), pada suatu ketika dahulu, songket pernah menjadi busana larangan dimana ia hanya dipakai oleh kalangan kerabat diraja dan pembesar istana. Dalam hal ini, seni tenunan seperti songket dipercayai bermula pada zaman kewujudan Cik Siti Wan Kembang lagi apabila Cik Siti Wan Kembang meminjam alat tenunan untuk menenun kain.

Sehingga kini, songket dan batik masih lagi terkenal dalam kalangan masyarakat. Dalam hal ini, ia bukan sahaja terkenal disebabkan oleh Raja-raja atau pembesar-pembesar yang memakainya, namun keistimewaan corak pada songket dan batik ini telah sampai ke persada antarabangsa serta masyarakat-masyarakat biasa juga dapat memakainya. Kini, ramai peniaga mengusahakan songket dan batik di Kelantan. Antara peniaga yang mengusahakan songket dan batik adalah Cik Minah Songket dan Batik. Menurut Wan Noor Hayati (2013), Cik Minah Songket dan Batik telah beroperasi pada tahun 1930 an lagi dimana ia diusahakan oleh Che Aminah binti Omar. Kemudian setelah Che Minah meninggal, perusahaan tersebut kini diwarisi oleh keturunannya sendiri iaitu anaknya dan perusahaan tersebut kekal sehingga kini.

## 5.0 Transkrip Temubual Bersama Tokoh

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai proses pembuatan songket dan batik yang diusahakan oleh Cik Minah Songket dan Batik. Bersama-sama kami ialah Encik Mohamed Bin Hj Hussein yang merupakan seorang pengurus di Cik Minah Songket dan Batik. Rakaman ini dijalankan pada 31 May 2020 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 12 tengahari bertempat di Cik Minah Songket dan Batik. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Nurul Nadia Binti Kamaruzaman dan juga Che Roshamanie Binti Mohd Fozi. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**CRF: Okey untuk soalan yang pertama untuk berkaitan dengan latar belakang encik lah. Itu soalan pertama. (bunyi Puan Kalsom menyapu lantai)**

EMH: Dari segi mana ini? Dari segi?

**CRF: Kita *akae* [akan] tanya. Okey soalan pertama, bolehkah encik ceritakan sedikit tentang latar belakang encik?**

EMH: Latar belakang. Apa ini dari segi mana?

NNK &

CRF: (Serentak) Nama.

CRF: Nama penuh encik.

EMH: Nama penuh. Nama penuh Mohamed Bin Haji Che Hussein.

**CRF: (Berhenti seketika) Okey. Adakah encik ada nama gelaran atau samaran?**

EMH: Tidak ada.

CRF: Tidak ada?

EMH: Biasa gitu jelah [biasa begitu sahaja].

CRF: Biasa Encik Mohamed lah.

**NNK: Okey, berapakah umur encik?**

EMH: Umur sekarang ni dah nak masuk enam puluh lapan.

NNK: Enam puluh lapan tahun.

**CRF: Dimanakah tempat lahir encik?**

EMH: Lahir di sinilah. (tokoh bersenandung) Di Kota Bharu [Kelantan].

CRF: Lahir di Kota Bharu.

**CRF: (berhenti seketika) status *loni* [sekarang]? Status encik sekarang ini?**

EMH: Status dari segi mana maksudnya?

CRF: Berkahwin lah *kae* [kan]? Sudah berkahwin?

EMH: Masih kekal. Kekal bers - me - Masih kekal dengan apa ni - dengan isteri. (Bunyi kertas diselak)

**CRF: Encik ada berapa bilangan adik beradik?**

EMH: Adik beradik semua sekali ada sebelas semua sekali.

CRF: Sebelas adik beradik. (Berhenti seketika)

**CRF: Okey, soalan kedua, bolehkah encik ceritakan sedikit latar belakang isteri encik?**

EMH: Isteri sekarang dalam umur dalam enam puluh, enam puluh dua tahun. (Berhenti seketika) Nama Che Natrah.

NNK: Che Natrah Binti?

EMH: Nordin.

NNK: Nordin.

**CRF: Bilakah encik berumah tangga dengan Puan Natrah?**

EMH: Tahun 1979.

**CRF: Okey, selepas berumah tangga, bilangan anak-anak yang dikurniakan?**

EMH: Sekarang ada tiga orang anak sahaja. Dua lelaki, satu perempuan.

**NNK: Bol - Boleh ceritakan tentang latar belakang anak?**

EMH: Yang pertama laki-laki. (bunyi motor lalu) Dia apa ni -- lulusan UiTM [Universiti Teknologi MARA].

NNK: Lulusan UiTM. Nama apa tu?

EMH: Nor Ariffin Bin Mohamed. Nor Ariffin lah.

CRF: Nor Ariffin.

EMH: Yang kedua Rozana. (Bunyi penyapu terkena kaki kerusi).

CRF: Rozana.

EMH: UiTM juga. Ijazah UiTM. Yang ketiga pun Hafizi. Lulusan ijazah UiTM juga.

NNK: Hafizi. (Bunyi penyapu jatuh)

**CRF: Berbalik kepada latar belakang Puan Natrah, dimanakah tempat lahir dan asal usul Puan Natrah.**

EMH: Asal usul dia Wakaf Bharu [Kelantan].

CRF: Wakaf Bharu, Kelantan. (Tokoh batuk) Boleh encik ceritakan sedikit tentang pengalaman berjumpa dengan Puan Natrah pada permulaannya? (Bunyi kertas diselak)

EMH: Sebenarnya bukan apa ini dengan perjumpaan dia ada apa ni orang tua yang --

(mencelah)

NNK & CRF- (serentak) Ohh

(mencelah)

CRF- Aturan orang--

(mencelah)

EMH- Aturan orang tua lah senang.

**CRF: Selepas aturan itu, adakah encik memang sudah menyukai Puan Natrah ataupun memang tidak pernah mengenali?**

EMH: Sudah -- sudah kenal.

CRF: Sudah kenal?

EMH: Sudah kenal.



**CRF: Suka lah dengan Puan Natrah?**

EMH: Ha ha [ya].

**CRF: Okey. Nama ibu bapa encik sendiri?**

EMH: Cik Minah - Cik Minah --

(mencelah)

CRF- Cik Minah.

EMH: Haji Omar dengan Haji Hussein lah.

**CRF: Okey ini latar belakang sedikit lah. Apakah benda yang encik sendiri rindu bila bersama dengan ibu bapa. Pengalaman yang --**

(mencelah)

EMH- Pengalaman - bermaksud masa ibu bapa ada lagi ke macam mana?

CRF: Ya

EMH: Saya rasa kerinduan apa ini - tidaklah itu apa ini - tidaklah apa ini --

(mencelah)

CRF- Terlalu ----- --

(mencelah)

EMH- Tidak apa ini - susah nak kata lah *pasal* [sebab] apa ini - kita dibesarkan dalam *family* [keluarga] yang besar kan, jadi tidak ada rasa susah ke - *gitu jelah* [begitu sahaja].

**CRF: Okey, boleh ceritakan sedikit latar belakang ibu bapa kepada Puan Natrah?**

EMH: Dia apa ini, bapa dia seorang pegawai kerajaan dan ibu dia ni - apa itu - dia panggil apa dah, apa ini - dia panggil apa ini - ib - suri rumah.

CRF: Okey

EMH: Itu jelah [sahaja].

**CRF: Masih ada lagi --**

(mencelah)

EMH- Dah tiada dah [sudah meninggal]

CRF: Sudah tiada.

EMH: (Tokoh bersenandung) Ha, semua sudah tiada.

**CRF: Okey, ibu bapa - latar belakang anak encik dah ceritakan sedikit sebanyak. So [jadi], anak-anak encik semua lepasan universiti?**

EMH: Ha semua dah lepas dah [semua sudah lepas].

**NNK: Semua dah kerja?**

EMH: Ha dah hidup masing-masing [sudah ada hidup masing-masing].

NNK: Okey.

**CRF: Bekerja - anak yang pertama bekerja sebagai?**

EMH: Sebagai apa ni -- dia di- sebagai *finance officer* [pegawai kewangan] di -- TNB [Tenaga Nasional Berhad].

**NNK: Yang kedua?**

**CRF: Yang kedua?**

EMH: Kedua -- imigresen, pegawai imigresen.

**NNK: Kota Bharu?**

EMH: Haa [ya] Kota Bharu. (Berhenti seketika) (Tokoh bersenandung)  
Nombor tiga, apa ini - bekerja dengan apa ni - Prolintas [Projek Lintasan Kota Holdings] Kuala Lumpur [Malaysia].

**CRF: Nombor tiga?**

EMH: Em [ya]. (Bunyi kertas diselak) (tokoh bersenandung) (berhenti seketika) (bunyi berbisik)

CRF: Okey

**NNK: Bolehkah encik ceritakan tentang latar belakang adik beradik encik?**

EMH: Adik beradik ada sebelas semua. (Bunyi kertas diselak) Yang pertama seorang guru, ustaz. Yang kedua suri rumah. (bunyi Puan Kalsom menyapu lantai) Yang ketiga kerja biasa-biasa lah --

(mencelah)

CRF- Macam kampung lah?

EMH: Yang keempat suri rumah tangga. Yang kelima pegawai kerajaan, (Bunyi Puan Kalsom menyapu lantai) (berhenti seketika) yang keenam berniaga, yang ke --

(mencelah)

CRF- Tujuh. (Bunyi Puan Kalsom menyapu lantai)

EMH: Tujuh apa ini -- pertanian - Pegawai pertanian. (Berhenti seketika) Guru --

(mencelah)

NNK- Guru.

**CRF: Sembilan?**

EMH: Sembilan apa ini - ya lah apa ini suri rumah dengan pengusaha songket sekali lah. Dia itu sekali.

**CRF: Ohh, yang ke --**

(mencelah)

EMH- Nombor sepuluh itu saya lah.

CRF: Ooo okey.

EMH: Nombor sebelas --

(mencelah)

CRF- Sama, dengan Encik Kamal [sic. nama sebenar Encik Kamil]?

EMH: Ha. (tokoh bersenandung).

**CRF: Okey, so [jadi] adik beradik yang selain ini memang tidak berminat dengan perniagaan --**

(mencelah)

EMH- Ha *takdelah* [tidak ada lah] dia masing-masing [masing-masing ada minat tersendiri].

**CRF:** *So* [jadi] --

(mencelah)

**NNK-** **Maknanya yang hanya nombor sembilan, sepuluh sebelas sahaja yang uruskan songket?**

EMH: Haa . (Bunyi kertas diselak)

**CRF:** **Boleh saya tahu yang pegawai kerajaan itu dibawah mana?**

EMH: Apa ini - pegawai kerajaan negeri Kelantan lah. Dia macam apa ni pegawai tadbir.

**CRF:** **Okey, kesemuanya masih ada?**

EMH: Takde takde dah [sudah tiada]. Yang ada tinggal lim - ada emp -- ada lima.

**CRF:** **Lima kebawah?**

EMH: Ada lima orang lagi yang ada.

CRF: Okey.

EMH: Ni nombor satu ni bawah tu, yang bawah nombor - nombor tiga ada lagi

NNK: Nombor tiga ada.

EMH: Nombor tujuh ada, tujuh, nombor sembilan, sepuluh, sebelas *takdokka* [itu sahaja].

**CRF:** *Alright* [Baiklah] encik. *So* kalau setiap perayaan, memang encik dan adik beradik akan berkumpul bersama?

EMH: Em [ya] berkumpul.

**CRF: Berkumpul. Berkumpul dekat rumah?**

EMH: Dekat rumah asal lah.

**CRF: Rumah asal Cik Minah?**

EMH: Ya.

**CRF: Okay. So sekarang ini adik beradik encik memang takde [tidak ada] kat [di] sini sekarang?**

EMH: (Bunyi tokoh bersenandung) Tidak ada -----

**CRF: Okay. Kita teruskan dengan soalan yang lain. Bolehkah encik ceritakan sedikit latar belakang pendidikan encik? (bunyi kertas dibeleg)**

EMH: Ha boleh. (Bunyi kertas diselak). Sekolah rendah Sultan Ismail Satu, *Sekolah rendah Sultan Ismail Primary School (1)*.

CRF: Em [okey].

EMH: *Pahtu* [selepas itu] *Sultan Ismail College* [juga dikenali sebagai Maktab Sultan Ismail], *form one* [tingkatan satu], *form two to, form two form five* [tingkatan dua ke tingkatan lima] Anderson School, Ipoh.

CRF: Ohh encik bertukar ke --  
(mencelah)

EMH- *Dok* [tidak] pun, *saje* [sahaja] pergi belajar sana.

**NNK: *Form two to form five* [tingkatan dua ke tingkatan lima]?**

EMH: Ya.

**CRF: *Form one* [tingkatan satu] sahaja Sultan Ismail College?**

EMH: Em [ya]. *Pahtu form five* [selepas tingkatan lima], *form six* [tingkatan enam] di SIC [Sultan Ismail College] balik.

**CRF:** Ooo okey. Atas sebab gapo [apa] encik --

(mencelah)

EMH- yang mana?

CRF: Bertukar sekolah ke Anderson --

(Mencelah)

EMH: Ooo ada kebetulan ada *sedara* [saudara] duduk sana. Dia min [minat].

**CRF:** Minat-minat *sasajo* [bersahaja] lah?

EMH: *Sajo* [sahaja] minat *ajok* [ajak] *gi* [pergi] belajar kita pun *gi*.

**CRF:** Pada *form six* [tingkatan enam] tu *meme* [memang] --

(mencelah)

EMH- Balik SIC balik.

**CRF:** SIC balik sebab *tak dok* [tidak] ditawarkan untuk *tingkate* [tingkatan] enam ke?

EMH: Ada, tapi --

(mencelah)

CRF: Ada --

EMH: *Sajo* [sahaja] balik --

(mencelah)

CRF: Balik --

(mencelah)

EMH- Balik buat sini lah [Balik belajar di Kelantan].

CRF: Okey.

**NNK:** *Form six* [tingkatan enam] itu belajar sampai habis ke?

EMH: *Form six* [tingkatan enam] itu dua tahun.

NNK: Oh.

**CRF:** *Ambik* [ambil] *jur* - *ambik kos* [kursus] *gapo* [apa] masa *form six* [tingkatan enam]?

EMH: Masa tu dia ada dua, *arts* [seni] lah.

CRF: *Arts*. Okey.

EMH: *Arts stream* [Aliran seni] dia panggil. (Bunyi pen)

**CRF:** Itu *meme* [memang] *pilihe* [pilihan] *encik sdighi* [sendiri] *ko* [ke]?

EMH: Pilih *sdighi* [sendiri] lah masa tu.

**CRF:** Apakah sebab *encik* memilih *arts stream* [aliran seni]?

EMH: Pasa Sains *dio* [dia] *tok minat* [tidak minat] *kae* [kan].

CRF: Okey.

EMH: Pasa ----- --

(mencelah)

CRF: Sebab Sains itu *tok minat* [tidak minat], *buleh* [boleh] *gi* [pergi] ke *arts* [seni] okey. (Bunyi kertas dibelek).

**NNK:** Selepas *form six* [tingkatan enam] tu [itu] --

(mencelah)

EMH- Baru masuk ITM [Institut Teknologi Mara, kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara (UiTM)] lah, UiTM.

CRF: UiTM.

EMH: Ya.

**NNK:** Umur berapa -- umur berapa masuk ITM?

**CRF:** Pada tahun berapa -----?

EMH: Umur sembilan *belah* [belas].

**CRF:** ITM? Okey. Tempat - tempat -- pengajian pada masa itu?

EMH: Di ITM?

CRF: Haah [ya].

EMH: Di I - Shah Alam.

**NNK: ITM? Shah Alam?**

**CRF: ITM? Shah Alam. Ohh.**

EMH: Di ITM Shah Alam lah. Ada dua - sa satu tu je ada dulu [Dulu ada satu cawangan sahaja].

**CRF: Kos [Kursus] hok [yang] encik pilih tu --**

(mencelah)

EMH- Oh *business study* [pengajian perniagaan] *jah* [sahaja]. Business study.

**CRF: Itu adalah pilihan encik *sdighi* [sendiri] *ko* [ke] ataupun ada pengaruh daripada keluarga?**

EMH: Oh tak pilih *sdighi jah*.

CRF: Pilih *sdighi*.

EMH: Pilih *sdighi*.

**CRF: Macam mana encik *buleh* [boleh] - daripada *arts* [seni] *gi* [pergi] kepada *business study* [pengajian perniagaan] masa tu [pada ketika itu]?**

EMH: *Dok* [tidak] *dia art* [seni] tu dia subjek dia ada dalam business study doh la masa tu [pada ketika itu kelas aliran seni ada subjek pengajian perniagaan]. (bunyi ketukan jari di meja)

**CRF: Oh. Dia *link doh* [sudah berkait]?**

EMH: *Ho* [ya] *dia link doh* [sudah berkait].

**CRF: Okey. (bunyi kertas diselak). Pada masa itu, adakah *business study* itu *meme* [memang] encik sangat minat? Minat mengira *ko* [ke]?**

EMH: *Tidok jugok* [tidak juga]. Jadi *kebetule* [kebetulan] apa ini - ITM *offer* [menawarkan] *jadi gak* [jadinya] --



(mencelah)

CRF- Terimalah?

EMH: Ya.

**CRF: Daripada segi sokongan daripada keluarga, keluarga *sdighi meme* menyokong encik *ambik* [ambil] --**

(mencelah)

EMH- dia tak tak kisah lah *ambik* [ambil] apa pun tak kisah. (ketawa).

**NNK: Berapa tahun belajar dekat ITM itu?**

EMH: Dua tiga, nak masuk tiga tahun la. Tiga tahun. (Bunyi geseran kertas).

**NNK: Ijazah la kan?**

EMH: *Dok dok dok* [tidak] diploma *jah* [sahaja].

NNK: Diploma?

EMH: Dulu diploma *jah* [sahaja]. ----- saya *tok abih* [tidak habis] *pasal* ada sebab-sebab tertentu la. Ada mas ada apa ni, ada apa ni – *student unrest* [pergolakan pelajar] ----- tahun tahun --

(mencelah)

CRF- Pada tahun?

EMH: Tujuh puluh lima rasanya *tok* [tidak] silap saya. *Sejarah la sejarah* [sejarah].

**CRF: Pada masa tu encik - berada dalam semester berapa?**

EMH: *Semester six* [enam] la. Nak masuk *semester six* [enam].

**CRF: Permulaan semester --**

(mencelah)

EMH- Ya, nak buka tu dia ada krisis.

**CRF: Boleh encik ceritakan secara *detail* [terperinci] krisis *hok* [yang] terjadi pada masa tu.**

EMH: Krisis masa tu - ni krisis apa ni nak - apa ni pasal kes apa ni - tukar daripada Arshad Ayub ke Luqman Musa kan.

NNK: Ya. (bunyi pen sedang ditulis)

EMH: Jadi Arshad Ayub ni dia terbuka sikit.

CRF: Ya.

EMH: Luqman Musa ni dia *close* minda [minda tertutup] jadi *student* [pelajar] *tok* [tidak] berapa suka. Jadi jadi dah buat demonstrasi semua.

**CRF: Adakah pada masa itu krisis ITM ni menjadi satu fenomena pada masa tu? Menjadi satu kerunsingan lah. (bunyi kertas diselak)**

EMH: *Tak takdok tok jugok* [tidak juga].

**CRF: Adakah encik sendiri merasakan - Encik - Luqman Musa tu agak --**

(mencelah)

EMH- Oh dia jenis apa ni - orang kata apa ni --

(mencelah)

CRF- -----

EMH: Dia je yang betul orang lain semua tidak betul.

NNK: Ooo.

EMH: Ya macam itu lah. Dia tidak macam Arshad Ayub.

**CRF: Adakah pada masa itu – siapakah yang memulakan demonstrasi – tidak menyukai --**

(mencelah)

EMH- Persatuan lah. Kesatuan Siswa Institut Teknologi Mara masa itu la. Banyak la *detail* [maklumat] lagi -----

**CRF: Oh. Arshad Ayub - dilantik sebagai pengarah [kini dikenali sebagai rektor] pada tahun berapa?**

EMH: Tidak silap saya tahun enam puluh lapan ke enam puluh tujuh. *Tok ingat doh sayo* [saya sudah tidak ingat].

**NNK: Selepas demonstrasi itu berlaku, --**

(mencelah)

**CRF: Bagaimanakah keadaan ITM pada masa itu?**

EMH: Tutup la.

CRF: Tutup selama?

EMH: *Tok ingat doh, saya tok ingat* [saya sudah tidak ingat].

**NNK: Situ la tuan – *breti* [berhenti] - belajar? [pada masa itu lah tuan berhenti belajar?]**

EMH: Ya *breti* [berhenti] belajar.

**CRF: Adakah pelajar lain me – mendapat nasib yang sama?**

EMH: Ada – ada ada apa ini ada yang pelajar yang tidak dapat --  
(mencelah)

CRF&

EMH: (Serentak) meneruskan --  
(mencelah)

EMH: Pelajaran.

**CRF: ITM tidak mengajak balik ke *student* [pelajar] yang --**

(mencelah)

EMH: Ada yang panggil balik dan ada yang tidak panggil balik.

CRF: Ada yang tidak panggil balik.

**CRF: Bagi encik sendiri kenapa encik tidak meneruskan --**

(mencelah)

EMH: Dia tidak panggil balik lah.

**CRF: Selepas Arshad Ayub menjadi pengarah ITM, adakah ITM lebih berkembang maju pada ketika itu pada pendapat encik?**

EMH: Ya, kerana dia ada ITM [kerana dia ITM wujud]. Kerana dia lah.

(Berhenti seketika)

**CRF: (Bunyi tokoh menggaru tangan) Masih ada lagi Arshad Ayub? [Adakah Arshad Ayub masih ada lagi sehingga sekarang?]**

EMH: Ada, tidak pernah jumpa dia?

CRF: Belum.

NNK: Belum.

CRF: Tidak pernah.

EMH: Kalau *grad* [graduasi] dia yang itu lah. [Kalau graduasi dia yang menyampaikan skrol graduasi kepada pelajar]

**CRF: Ada lagi *sapa* [sampai] *skaghe* [sekarang] lah?**

EMH: Ada ini dia tak silap saya dia – apa tu – agung – agung apa ini dia *vice* [naib] pro chanselor – *vice* lah. Dia *vice chancellor* [naib chancellor] – dia ada tiga *vice chancellor*.

**CRF: Luqman Musa?**

EMH: Luqman Musa dah meninggal?

**CRF: Pada ketika itu, Luqman Musa menjadi pengarah ITM dari encik *start* [mula] semester satu lah?**

EMH: Eh *dok* [tidak], dia semester lima lah [dia mula menjadi pengarah ketika saya berada di semester lima].

**CRF: Semester lima baru Luqman Musa menjadi pengarah?**

EMH: Haa [ya], dia ----- semester empat rasanya.

**CRF: Dia memegang jawatan itu selama satu tahun setengah lah?**

EMH: Tok ingat doh tok ingat doh sayo [saya sudah lupa].

**CRF: Sangat sekejap lah -----**

EMH: Tok ingat doh, sayo tok ingat [saya sudah lupa].

**CRF: Terus kan jadi itu – ditukar oleh Arshad Ayub [ selepas Luqman Musa, maknanya ditukar kepada Arshad Ayub pula lah]?**

EMH: *Dok* [tidak], *dio* [dia] Arshad Ayub dulu.

CRF: Oh Arshad Ayub dulu.

EMH: Arshad Ayub dulu.

**CRF: Okey, ke Luqman Musa [selepas itu baru tukar kepada Luqman Musa]?**

EMH: Ya.

CRF: Okey. (bunyi kertas dibelek)

EMH: Arshad Ayub barulah pengarah pertama lah Arshad Ayub [Arshad Ayub adalah pengarah yang pertama] (bunyi motor lalu). Nombor dua Luqman, Luqman Musa. Ada dalam sejarah, tengok di – hm.

**NNK: Apakah cabaran encik ketika belajar di ITM?**

EMH: Cabaran masa itu, apa ni – dia masa – masa itu keadaan kampus tidaklah seketat sangat lah. Dia terbuka. Jadi, - tidaklah kata apa ini – kita belajar maknanya atas masing-masing lah

CRF: Oh, peraturan pada masa itu lah?

EMH: Ya, tidak ketat sangat lah, dia tidak ketat. Tidak kata dari segi pakaian semua – bebas lah.

**CRF: Encik duduk dekat asrama pada ketika itu?**

EMH: Ya, duduk asrama. (Berhenti seketika) Ada lagi ke tidak asrama itu?  
Asrama empat -----

CRF: Ya ada.

NNK: Ado [ada].

CRF: *Kat* [di] Shah Alam ada.

EMH: Shah Alam belakang, *blake muh* [di belakang].

**CRF: (tokoh bersenandung) Okey *pastu* [selepas itu] (bunyi berbisik) (berhenti seketika) (bunyi kertas dibelek). Okey, adakah encik meneruskan pengajian di institusi lain?**

EMH: Oh *tak dok* [tidak ada]. Saya teruskan ----- *Tak dok mood* doh [sudah tiada kemahuan untuk belajar]. Terus balik itu, sambung terus sini lah.

**CRF: Apakah perasaan encik pada ketika itu tidak dipanggil balik untuk masa**

--

(mencelah)

EMH- *Tak dok rasa, tak dok rasa* [tidak ada rasa], biasa jelah [sahaja].

CRF: Biasa sahaja.

EMH: *Tak dok* rasa menyesal, *tak dok* rasa apa.

CRF: *Tak dok* rasa *mace* [macam] *tok leh* [tidak boleh] *nok* [nak] capai *gapo* [apa] *hok* [yang] encik nak pada --

(mencelah)

EMH: *Tak dok* rasa apa – pasal *kita* [saya] dah ada alternatif kan.

CRF: Okey.

EMH: Tidak kisah. (Bunyi pen bergerak atas meja).

**CRF: Apakah pekerjaan encik yang encik impikan pada masa kecil dahulu?**

EMH: Masa kecil dulu, impian untuk jadi apa ini – pentadbir. *Gitu jelah* [begitu sahaja].

CRF: Pentadbir.

EMH: Tidak kisah maknanya asal pentadbir.

CRF: Pentadbir kerajaan lah kiranya?

EMH: Ya.

**CRF:** Adakah dengan memilih *course* [kursus] *business study* [pengajian perniagaan] itu dapat membawa encik --

(mencelah)

EMH: Dulu boleh.

CRF: Boleh.

EMH: Dulu boleh masuk.

CRF: Sebab itu lah encik memilih *business study*?

EMH: Ya, dia boleh masuk. Maknanya pentadbir maknanya dari segi maca apa ini badan berkanun masa itu.

**CRF:** *Business study* bagi encik pada ketika itu, adakah sangat susah ataupun encik boleh – boleh – dari segi nota dia, dari segi *assessment* [tugasan] dia ----?

EMH: Oh, boleh boleh *tak dok* masalah lah tapi dia *tok sghupo* [tidak sama] dengan yang sekarang la dia punya *grading* [pemarkahan] dia lain. *Tok sghupo*.

**CRF:** Adakah encik pernah --

(mencelah)

EMH- Dia *tak dok* komputer dulu kan, senang.

**CRF:** Adakah encik pernah mendapat anugerah --

(mencelah)

EMH- Oh *tak dok*. Kita *average student je* [saya student biasa sahaja].

CRF: Okey.

EMH: Dia sistem dulu lain, *tok sghupo*. Dia gred pun dulu dia apa ini A-4., B-3, C-2, D-1. ----- dapat A boleh 4., kalau 2, kalau C dapat 2. Dia tidak ada *point point* [titik] itu dia tidaka ada.

**NNK:** Kita pergi ke Cik Minah Songket dan Batik lah. Bilakah Cik Minah Songket dan Batik ditubuhkan?

EMH: *Kalu* [kalau] nak kira, tahun akhir lima puluhan. *Tok* ingat *doh* tahun *brapo* [berapa] doh.

**NNK: Bagaimanakah teretusnya idea untuk menubuhkan Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Itu saya tidak tahu lah, mungkin apa ini daripada – apa ini daripada apa ini inisiatif dia sendiri lah pasal dia pandai buat songket – daripada situ timbul apa ini --

(mencelah)

CRF- Minat.

EMH: (Tokoh berdecit) Minat nak tubuh apa ini apa ini nak *register* kan [daftarkan] perdagangan ini kan. Tapi secara kecil-kecilan sahaja.

**NNK: Siapakah yang menubuhkan Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Suami dia lah [ayah kepada Encik Mohamed], Haji Hussein tapi atas nama dia [Cik Minah, ibu kepada Encik Mohamed] (bunyi kertas dibelek).

**NNK: Nama panjang Haji Hussein?**

EMH: Haji Hussein Bin Mohammad. Begitu sahaja.

**NNK: Tapi nama Cik Minah ni --**

(mencelah)

EMH: Haa dia guna nama Cik Minah pasal songket itu. (bunyi motor lalu).

**CRF: Pada ketika itu, adakah itu adalah pekerjaan – adakah – dia ada pekerjaan lain. Macam Encik Hussein sendiri [Adakah Encik Hussein pernah ada pekerjaan lain sebelum Cik Minah Songket dan Batik ditubuhkan]?**

EMH: Sebelum itu, dia apa ini dia kerja sebagai apa ini – posmen sebelum itu.



CRF: Posmen.

EMH: Apabila apa ini *register* [mendaftar] --

(mencelah)

CRF- Cik Minah [Cik Minah Songket dan Batik].

EMH: Cik Minah itu dia berhenti lah [ Encik Hussein berhenti bekerja sebagai posmen apabila Cik Minah Songket dan Batik didaftarkan dan ditubuhkan].

CRF: Berhenti uruskan --

(mencelah)

EMH: Uruskan ekali lah.

**CRF: Cik Minah *sdighi* [sendiri] *meme* [memang] duduk *ghumoh* [rumah] --**

(mencelah)

EMH Ya tapi *ghumoh* – dia buat kedai itu *ghumoh* [dia buat kedai di rumah] itu sebagai tempat jualan lah.

CRF: Ohh

EMH: (Tokoh berdecit) Dulu lah.

**NNK: Adakah mula-mula penubuhan itu secara besar-besaran --**

(mencelah)

EMH- Tidak ada.

(mencelah)

NNK- Atau secara kecil-kecilan?

EMH: Secara kecil-kecilan sahaja.

NNK: Kecil-kecilan sahaja.

EMH: Tempahan *oghe* [orang] *tempoh* [tempah] begitu sahaja.

NNK: Okey.

(Berhenti seketika)

**CRF: Okey. Kiranya – bakat menenun *sdighi* [sendiri] ada pada Cik Minah lah?**

EMH: Haa [ya] dia daripada asal, daripada tok, daripada *mok* [mak] dia lagi.

**NNK: Siapa nama mak kepada Cik Minah itu? Ibu kepada Cik Minah?**

EMH: Kal, nama Kalsom nama dia [nama ibu kepada Cik Minah adalah Kalsom].

NNK: Kalsom.

EMH: Ya Kalsom.

**CRF: Meme bakat tu diambil daripada Puan Kalsom *sdighi* [sendiri]?**

EMH: Ya, daripada Puan Kalsom *dio* [dia] pun ambil daripada orang tuan asal lagi lah.

**CRF: Kiranya --**

(mencelah)

**NNK- Turun temurun?**

**CRF: Haa turun temurun lah?**

EMH: Ya.

**CRF: Selain Cik Minah, antara adik beradik dia yang lain, adakah *hok* [yang] -- *panda* [pandai] *jugok* [juga]? *Ado panda jugok* [Adakah ada yang pandai juga?]**

EMH: Ada, ada pandai.

CRF: Pandai tapi tidak menguruskan Cik Minah --  
(mencelah)

EMH: Haa [ya], *tok* [tidak] mengurus lah. Masing-masing lah.

CRF: Masing-masing?

EMH: Haa, masing-masing.

**CRF: Cik Minah Songket dan Batik itu sendiri *meme* digarab oleh Encik Hussein dengan Cik Minah?**

EMH: Asal lah.

CRF: *Meme* --

(mencelah)

EMH: Haa [ya], dulu batik *tak dok* [tidak ada]. Songket *sajo jah* [songket sahaja yang ada].

**CRF: Okey, bakat untuk membuat batik itu Cik Minah ada *dok* [adakah Cik Minah mempunyai bakat dalam membuat batik]?**

EMH: Batik dia tidak ada. Dia songket sahaja [Cik Minah hanya mempunyai bakat dalam membuat songket].

CRF: Songket sahaja?

EMH: Songket sahaja.

**NNK: Berapakah bilangan pekerja pada ketika itu?**

EMH: Masa itu pun dia bukan kerja tetap lah. Dia kerja di *ghumoh-ghumoh* [rumah-rumah], kita panggil *upoh* [upah]. Masa itu ramai, tahun enam puluhan dulu ada apa ini lebih kurang seratus orang dulu. Dulu lah dulu.

NNK: Tenun --

(mencelah)

EMH- Pasal mudah buat kerja, haa tenun sahaja.

NNK: Tenun songket tu *ko* [ke]?

EMH: Haa [ya] tenun. Ramai dulu. Rasa tiap-tiap *ghumoh* ada orang tenun dulu. Dulu la.

CRF: *Jadinyo* [jadinya] setiap rumah –

(mencelah)

EMH: Sebab *krijo* [kerja] *payoh* [susah] dulu.

**CRF: *Jadinyo hok* [jadinya yang] menenun itu dia belajar daripada Cik Minah ke?**

EMH: Dia ada belajar daripada orang tua *dio*. (Berhenti seketika) (Bunyi geseran kertas)

**CRF: Pada ketika itu, Encik Mohamed *sdighi* [sendiri] merasakan perniagaan itu boleh *bowok* [bawa] pergi jauh sampai sekarang pada ketika itu Encik Mohamed --**

(mencelah)

EMH- Masa itu kita *pikir* [fikir] boleh bawa pergi jauh la. Masa itu lah. Tapi *tok* fikir la maknanya dunia ini boleh berubah kan.

**CRF: Okey. *Kalu* [kalau] *loni* [sekarang] *ado* [ada] *brapo* [berapa]?**

EMH: *Loni* [sekarang] *tok* [tidak] *ghama* [ramai]. *Loni* ada dalam lima belas *oghe* [orang] begitu sahaja.

**NNK: Bekerja menenun disini atau –**

(mencelah)

EMH- Menenun tak, tenun di *ghumoh* [rumah] sahaja.

NNK: Masih di rumah masing-masing?

EMH: Kita *penghikat-peghikat* [peringkat-peringkat] *tuo* [tua] sahaja yang tinggal. *Hok mudo-mudo* [yang muda-muda] *tak dok doh* [sudah meninggal].

**CRF: Apakah sebab – Cik Minah Songket dan Batik kehilangan ramai pekerja pada ketika ini?**

EMH: Apa ini *progress* [kemajuan] lah. Maknanya apa ini dengan *progress* negara ini, kemajuan negara orang tidak minat lagi lah. Makna anak-anak muda ini masuk universiti dan banyak kilang-kilang yang *mudoh* [mudah] kerja *dio*, pergi sanalah. Tidak minat lah kerja ini.

**CRF: Kebanyakan *hok* tinggal menenun itu hanya *oghe* [orang] tua *sajo* [sahaja]?**

EMH: *Oghe tuo-tuo jah* tinggal [hanya orang tua yang menenun].

**NNK: Mengapakah encik melibatkan diri dalam perusahaan Cik Minah Songket dn Batik ini?**

EMH: Ini sebenarnya macam bidang terjun lah. Terpaksa kena apa ini – kena ambil alih lah --

(mencelah)

NNK- Okey.

EMH: Dengan adik beradik kan. Terpaksa.

**CRF: Pada mulanya, encik memang tidak meminati lah bidang --**

(mencelah)

EMH- Tidak lah tidak. Tapi dalam keadaan kita terpaksa lah kena --

(mencelah)

CRF- Keadaan yang itu --

(mencelah)

EMH: Daripada ITM dulu lah.

CRF: Daripada ITM.

EMH: Ya. Kalau mungkin, kalau saya apa ini --

(mencelah)

CRF- Habis?

EMH: Habis buat diploma, mungkin buat degree, mungkin tidak ada disini lah.

CRF: Okey.

EMH: Kemungkinan besar maknanya --

(mencelah)

**CRF- Pada ketika itu, adik beradik encik yang lain memang sudah ada – apa itu pekerjaan sendiri --**

EMH: Haa, ada kerja masing-masing *doh* [sudah ada kerja masing-masing].

**CRF: Jadinya pada masa itu Encik sahaja lah yang boleh diharap?**

EMH: Ada, ada dua orang, tiga orang lah.

CRF: Pada masa itu?

EMH: Haa tiga orang. Masa itu dia tiga orang, kakak saya, adik saya sorang itu, ada abang *sorang* [seorang] lagi.

**CRF: Adakah encik *sdighi* mempunyai ilmu menenun daripada --**

(mencelah)

EMH- Tidak ada, saya tidak pandai. Tapi tahu cara-cara itu tahu la.

**CRF: Adakah masa Cik Minah ada lagi, encik ada belajar dengan Cik Minah sendiri?**

EMH: Tidak, tidak pandai lah. (Tokoh bersenandung) Maknanya cara-cara tenun itu tidak pandai tapi apa ini untuk nak *explain* [terangkan] itu boleh la.

CRF: Okey.

**NNK: Apakah perasaan encik pada mula-mula encik usahakan Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Perasaan – nak kata itu pun biasa sahaja. Pasal tidak kata susah sangat pun pasal benda itu sudah ada kan. ----- kita *continuity* [sambung] sahaja. Sambungan sahaja. (Berhenti seketika). Macam orang tua pun dia makin, makin tua dia tidak, dia serah kepada anak-anak sahaja. Dia duduk di belakang. (Bunyi motor lalu).

**CRF: Adakah encik *sdighi pernoh* [pernah] mencuba pekerjaan lain?**

EMH: *Tok pernoh*.

CRF: Memang *tok pernoh* --

(mencelah)

EMH- *Tok pernoh* --

(mencelah)

CRF- Selepas --

(mencelah)

EMH- Tidak pernah rasa apa ini – maknanya benda – duduk disini ini boleh lagi. Tidak susah la. Nak kata senang pun tidak *jugok* [juga] tapi apa ini – boleh hidup lagi la --

(mencelah)

CRF- Peluang --

(mencelah)

EMH- Haa peluang itu masih ada la. Haa macam itu. (Bunyi ketas dibeleg).

**NNK: Siapakah yang mendorong encik – untuk – meniaga – mengusahakan Cik Minah Songket dan Batik ini?**

EMH: Adik beradik dan ibu lah. Pasal tidak boleh dah nak sambung, duduk ini lah [duduk disini sahaja]. (Tokoh ketawa) *Gitu jelah* [Begitu sahaja].

**CRF: Kalau encik meneruskan kerjaya sebagai – yang encik impikan, siapakah yang sebenarnya yang akan uruskan --**

(mencelah)

EMH- Ada ada adik yang sseorang lagi itu. Ada adik Kamil itu dia memang dia memang minat. (Berhenti seketika) (Bunyi geseran kertas).

**CRF: Okey, bagaimanakah cara masa kerja pada masa dahulu?**

EMH: Ohh kerja dulu tidak susah sangat maknanya dia dah mula apa ini macam saya ini saya jaga atas sahaja.

CRF: Jaga – butik ini sahaja lah?

EMH: Makananya dari segi jualana, kalau barang itu tidak ada, kita tambahkan. Tidak kata penat sangat. Tidak *gitulah* [Bukan macam itu lah].

**CRF: Dari segi – apa itu – kawalan kewangan, ada *oghe* [orang] tertentu ke *hok* [yang] jaga?**

EMH: Tidak ada.

CRF: Tidak ada.

EMH: Tidak ada lah, kita guna adik saya sahaja. Dia semua ----- dari segi pembelian, pembelian dia semua *and the* [dan seterusnya] dia semua.

CRF: Oh, buat *sdighi*.

EMH: Haa saya tidak terlibat lah.

**CRF: Oh, encik hanya atas penjaga – ni – kedai lah?**

EMH: Dari segi jualan sahaja.

CRF: Dari segi jualan.

**CRF: Encik ka – kamal [sic. Nama sebenar adalah Encik Kamil] --**

(mencelah)

EMH- Ya --

CRF: *Sdighi meme tak dok dio* [dia] *meme tok* meneruskan pengajian pada ketika --

EMH: Oh tidak ada. Dia lepas *form five* [tingkatan lima] dia *staright* [terus] --

(mencelah)

CRF- *Straight* sini [terus ke sini]?

EMH: Em [ya].

**CRF: Dia amat minatlah dengan --**

(mencelah)

EMH- Haa minat. Minat lah. Dia suka dari segi perniagaan ini dia memang minat.

**CRF: Adakah dia pun *panda* [pandai] menenun?**

EMH: Haa, dia boleh.

CRF: Pandai menenun?

EMH: (Tokoh berdecit) Haa dia boleh. (bunyi geseran tangan pada kertas) (berhenti seketika)



**CRF: Yang terlibat dengan Cik Minah Songket dan Batik ini pada ketika ini adalah tiga orang lah?**

EMH: Haa tiga.

CRF: Adik - adik, Encik Kamal [sic. nama sebenarnya adalah Encik Kamil], dan seorang lagi?

EMH: *Kakok* [kakak] seorang lagi.

**NNK: Nombor?**

**CRF: Nama?**

EMH: Hajah Kalsom.

**CRF: Sekarang ini dia duduk *mano* [dimana] Hajah Kalsom itu?**

EMH: Ada duduk disini. Ado *hok* tadi [ada yang lalu tadi].

CRF: Oh *ado*.

NNK: Oh.

CRF: Okey.

**CRF: *Dio meme ado maghi* [datang] *sokmo* [selalu] lah sini [Dia memang selalu datang sini ke]?**

EMH: Dio *meme* duduk sini.

**CRF: *Meme* duduk sini?**

EMH: Ya, *dio meme duduk* sini [dia memang menetap disini]. *Ghumoh dio* sini lah. [Rumah dia di sini]. *Ghumoh* sekali dengan *tepat* [tempat] jual.

CRF: Okey. (berhenti seketika) (bunyi geseran tangan pada kertas) (tokoh bersenandung).

**CRF: Adakah encik mengalami kesukaran pada permulaan untuk menguruskan Cik Minah Songket dan Batik.**

EMH: Tidak ada pasal benda itu kita dah apa dia itu sudah ada kan. Dari segi jualan pun memang sudah, orang sudah tahu, orang sudah kenal kan. (bunyi tokoh berdecit).

**CRF: Hanya meneruskan sahaja?**

EMH: Haa meneruskan sahaja lah. Jadi kita daripada kecil tu kita besarkan sikit. Buat *tapok* [tapak] baru disini. Dulu *tapok tepat* lain.

CRF: Oh.

EMH: Haa bukan sini. Sini baru tahun dalam tujuh puluh, tujuh puluh tiga [1973] mula-mula *start* [mula].

**CRF: Bangunan ini [maksudnya mula perniagaan di bangunan ini pada tahun 1973 ke]?**

EMH: Ya.

**CRF: Encik me- adakah ibu bapa encik lah membeli tanah --**

(mencelah)

EMH: Ya, beli – dulu buat lain dan bila beli tapak ini apa ini buat bangunan ini, pindah *maghi* [datang] sini [dulu bangunan lain dan bila beli tapak dan bangunan baru siap terus pindah ke sini].

**CRF: Kira-kira *brapo* [berapa] *hok abih*[habis] buat ini?**

EMH: Dulu *mughoh jah* [murah sahaja] dulu dalam empat puluh ribu.

CRF: Empat puluh ribu.

EMH: Ya.

**CRF: Siap siap sedia dengan ini lah dengan barang dalam lah?**

EMH: Tidak, tidak. Bangunan sahaja lah.

CRF: Bangunan sahaja?

EMH: Ya.

CRF: Dengan *tanoh* [tanah] sekali?

EMH: Haa dengan ta- *tanoh* asing. *Tanoh mughoh jah maso* itu [Tanah murah sahaja ketika itu]. *Tanoh* dalam enam tujuh ribu sahaja masa itu. [RM6000 - RM7000].

**NNK: Di tempat lain itu dekat mana?**

EMH: Sini *jugok* tapi masuk dalam, dalam kampung. Dia *ghumoh jugok*.  
Buat *atah* [atas] *ghumoh*.

**NNK: Rumah sendiri la?**

EMH: Ya. (Bunyi motor lalu)

**CRF: Rumah *hok* buat itu masih ada lagi, masih kekal lagi?**

EMH: Ada lagi, ada kekal lagi.

**CRF: Itu ke tempat *hok* encik – dan adik beradik berkumpul?**

EMH: Haa, macam raya semua itu berkumpul di situ lah. Anak cucu semua apa berhimpun situ lah, adik beradik semua. Pagi raya sekejap lah. Setakat tengahari *pahtu* [selepas itu] balik habis lah.

CRF: Oh. (Berhenti seketika) (bunyi kertas dibeleg) (bunyi berbisik)

**NNK: Pada umur berapa encik melibatkan diri dalam perusahaan Cik Minah dan Batik [sepatutnya Cik Minah Songket dan Batik] ini?**

EMH: Dia dalam tahun – dua puluhan lah. Awal dua puluhan.

NNK: Awal tahun dua puluhan.

**CRF: Adakah encik *raso* [rasa] pada masa itu encik terlalu muda untuk menguruskan Cik Minah?**

EMH: Eh tidak juga. Dua puluh tahun. Awal dua puluhan lah.

**CRF: Adakah *hok* encik belajar dekat ITM sedikit sebanyak memberi pertolongan pada encik untuk menguruskan Cik Minah?**

EMH: *Boleh* [boleh] lah. Dari segi apa ini apa itu, *human relation* [perhubungan manusia] dengan orang kan. (Berhenti seketika).  
(Bunyi tokoh berdecit) *Human relation pahtu* dari segi apa ini cara-cara nak buat apa ini jualan kan. (Berhenti seketika)

**NNK: Adakah encik pernah bekerja di tempat lain sebelum ini?**

EMH: Tidak ada. Tidak pernah.

NNK: Okey.

EMH: Tidak pernah.

**CRF: *Tak dok* niat pun untuk *kijo* [kerja] lain?**

EMH: *Tak dok tak dok. Tak dok niat* (berhenti seketika) (bunyi motor lalu).

**NNK: Adakah encik sendiri meminati songket dan batik?**

EMH: Dari segi itu memang minat juga lah. Minat secara maknanya dari segi – apa ini komersial dia, dari segi apa ini penampilan dia kan, dari segi *culture* [budaya], minat dari segi itu sahaja lah.

**CRF: Antara songket dan batik, encik - lagi – memilih *hok mano* [yang mana]?**

EMH: Dia sebenarnya, kita majori – *major* [utama] dia songket lah. Batik ini sebagai *minor* [bukan pilihan utama] lah.

**CRF: Bagi encik *sdighi* lah, encik lebih *prefer* [syorkan] songket?**

EMH: Ya songket lah. Pasal songket *tak dok* tidak ada apa ini perlawanan lah. (Berhenti seketika).

CRF: -----

EMH: Songket ini tidak ramai orang buat.

**CRF: Adakah encik sendiri mengumpul koleksi songket --**

(mencelah)

EMH- Oh tidak ada. Kita buat kita jual, kita buat kita jual.

CRF: Oh.

EMH: Dia kalau nak tengok songket *collectors* [pengumpul] kena cari yang

--

(mencelah)

CRF- Betul-betul --

(mencelah)

EMH- Betul-betul *collectors* [pengumpul].

CRF: Oh.

**CRF: Adakah setiap kali raya adik beradik encik akan --**

(serentak)

**CRF&**

**NNK: Memakai (bunyi telefon tokoh bordering)**

EMH: Biasanya dia pakai lah. Pagi raya tu kan. Sekejap.

**CRF: Boleh teruskan?**

EMH: Boleh.

CRF: Em boleh *stop* [berhenti] dulu.

EMH: (bunyi tokoh membalas mesej) Boleh, boleh *stop* dulu. (bunyi kertas dibeleg) (bunyi pen bergerak atas meja) (bunyi bisikan)

**CRF: Okey, sambung balik (bunyi kertas diselak). Mengapakah encik dipilih menjadi pewaris – Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Yang sebenarnya benda itu *personal* [peribadi]. Terpaksalah. Daripada apa ini lepas daripada ITM itu kan, kes itu. Maksudnya dengan sendiri apa ini orang tua pun *ajok* [mengajak] masuk sekali. Begitu sahaja lah asalnya --

(mencelah)

CRF- Untuk --

EMH- Apa ini dengan – maksudnya secara semulajadi. Begitu sahaja.

**CRF: Untuk penama – Cik Minah Songket dan Batik, adakah Cik Minah Songket dan Batik, adakah nama encik ataupun nama adik beradik yang lain?**

EMH: Nama itu atas nama Kamil [adik bongsu tokoh]. Kita *seghoh* [serah] kepada dial ah senang. Seorang yang jaga, *mudoh* [mudah]. Dari segi kewangan semua. (berhenti seketika) Kita *register* [daftar] bawah nama dia seorang sahaja. (bunyi tokoh berdecit) Orang lain itu sebagai penolong sahaja lah.

**NNK: Siapakah idola encik dalam perniagaan?**

EMH: Maksud macam mana? Idola dari segi macam mana?

CRF: Encik tengok daripada cara memulakan – perniagaan itu encik lebih *prefer* siapa idola bagi encik lah. Pada ketika itu ke? Atau pun encik tidak mempunyai --

(mencelah)

EMH- *Tak dok. Tak dok* idola. (bunyi kertas diselak)

**CRF: Rujukan, rujukan bagi encik *tak dok* lah?**

EMH: *Tak dok* lah.

**CRF: Hanya ibu bapa sahaja?**

EMH: Ibu bapa sahaja lah.

(Berhenti seketika)

**NNK: Adakah batik dihasilkan oleh Cik Minah Songket dan Batik sendiri?**

EMH: Batik *tak dok*. Batik kita apa ini – dulu ada, kita buat sekali. Songket dengan batik.

NNK: Dulu buat sekali?

EMH: Haa ada maknanya batik kita buat *jugok* [juga]. Songket pun kita buat. Dua-dua sekali.

EMH: Pada awal dua puluhan kita berhenti buat batik. Kita *upoh* [upah] dia.

**CRF: Kenapa pada ketika itu, - berhenti untuk menghasilkan batik?**

EMH: Apa ini – dari segi apa ini – pasal *competition* [persaingan] banyak sangat lah. Makna *costing* [harga] dia jadi tak, baik kita *upoh* orang buat. Makna dari segi barang itu makna siap, terima barang siap, senang. Maknanya lebih untung daripada – dari segi *costing* lebih untung kita *upoh* orang buat. Maknanya *specialized* [khusus]. *Diorang* [mereka] *specialized*. Kita *upoh* dia, kita ambil barang, apa ini – kita jual. Jadi buat itu tidak ada – kita kata – buat batik itu kita tidak buat. Kita tidak buat. Kita *upoh* sahaja.

**CRF: Adakah penenun songket pada ketika itu – mahir juga untuk membuat batik?**

EMH: Tidak ada. Dia asing la.

CRF: Asing?

EMH: Haa, tidak sama. Dia *two different* [dua perbezaan] apa ini --  
(mencelah)

CRF- Oh

EMH: Dua – dua apa ini – pembuatan, perbezaan dua itu banyak sangat lah  
--

(mencelah)

CRF- dia lain?

EMH: Haa proses dia lain la.

**NNK: Oh yang - yang encik upah buat batik itu asal daripada mana?**

EMH: Dekat-dekat ini. Kawasan ini lah.

NNK: Ramai ke?

EMH: Eh ramai. Dia buat, dia buat sahaja. Dia buat, dia ambil *upoh* bila siap dia hantar *maghi* [bila siap dia hantar ke sini].

**NNK: Banyak ke – penghasilan batik yang – encik upah?**

EMH: Masa itu *banyak* [banyak] lah. Masa itu kita *begheti* [berhenti] buat selepas itu kita *upoh* orang buat. Macam batik lukis, dulu kita banyak buat blok. Masa blok tu memang kita buat *and then the block* [dan seterusnya blok], batik blok dah *slow* [perlahan], timbul batik lukis. Jadi kita tak tak --

(mencelah)

CRF- Canting?

EMH: Haa, batik canting kita tidak buat. Jadi kita *upoh*. Nak buka *sdighi* jadi apa ini dari segi *costing* la kan, baik kita *upoh*. *Specialized* [khususkan], dia buat *pahtu* kita jual.

**CRF: Adakah corak – *hok dio* buat itu diambil oleh – diberi oleh – Cik Minah?**

EMH: Kita bagi macam orang *special order* [tempahan khas] kita bagi dia buat. Dia buat lah. Kalau yang nak untuk jual ini, kita tidak kisah lah.

CRF: *Meme dio* sahaja la yang buat nya [membuatnya]?

EMH: Haa, dia buat lah.

**CRF: Boleh *custom made* [dibuat khas] lah?**

EMH: Boleh lah boleh.

CRF: Songket – *gini* [macam ini] *jugok* [juga] boleh *custom made* lah?

EMH: Songket pun boleh.

CRF: Sekarang ini?

EMH: Sekarang ini pun boleh.

(Berhenti seketika)

**CRF: Okey, antara koleksi yang Cik Minah sendiri hasilkan, adakah encik menyimpan lagi?**

EMH: Oh *tak dok*.

CRF: Tidak ada?



EMH: *Pasalnyo* [sebabnya] kita buat --

(mencelah)

CRF- Terus --

(mencelah)

EMH- Terus kita jual. Kita tidak ada simpan apa ini dari segi apa ini – *collecting* [mengumpul] itu tidak ada. Memang tidak ada *collecting* lah.

**CRF: Yang peribadi?**

EMH: Hok peribadi pun --

(mencelah)

CRF- Tidak ada --

(mencelah)

EMH- Ada yang terpakailah. Songket *hok* lama-lama ada la *tok banyok, sela duo* [tidak banyak, ada sehelai ke dua helai] begitu sahaja.

**CRF: Itu ditunen sendiri lah oleh Cik Minah?**

EMH: Haa, ditunen sendiri. *Hok* asal lah.

CRF: Oh. (berhenti seketika) (bunyi kertas dibeleg) (bunyi berbisik)

**CRF: Okey, untuk pembekal batik itu, encik me – menerima bekalan daripada seorang pembekal sahaja ataupun – kain --**

(mencelah)

EMH- Oh dia ka – kain biasanya kita ambil dengan persatuan lah. Persatuan Pembatik. (berhenti seketika) (bunyi kertas dibeleg).

CRF: Kos dari – untuk satu – penghasilan batik itu, contoh pada satu bulan, berapa anggran?

EMH: - *Kalu* [kalau] dulu *banyok* la. Maknanya kalau kita ambil *sale* [jualan] batik dulu banayak daripada songket.

CRF: Ohh.

EMH: Satu masa dia tahun 80-an dulu, 80-an hingga tahun – tahun apa ini – dekat 2000 itu apa ini banyak song – batik lah. Jualan [Jualan batik

daripada tahun lapan puluhan sehingga tahun 2000 adalah lebih banyak daripada songket].

**NNK: Adakah batik lebih murah daripada songket?**

EMH: Haa batik *dio mughoh* la sikit. Dia tidak ada apa ini dia – tidak apa ini dia tidak macam songket lah. Pasal songket ini dia mahal, guna tangan.

NNK: Oh.

EMH: Masa itu banyak guna tangan, dia tidak ada tenun *machine* [mesin] masa itu. (berhenti seketika)

**CRF: Okey, kita pergi ke muka surat kedua soalan. (Bunyi kertas diselak)**

**NNK: Apakah perbezaan antara songket dan batik?**

EMH: Dia batik, adalah apa ini dia lukis ataupun *print* [cetak] batik. Songket ini dia tenun. Dia tenun daripada benang sampai jadi kain. Haa itu songket. (bunyi kaki terlanggar kerusi).

**CRF: - Untuk tenunan benang, untuk pemilihan benang itu sendiri, encik dapatkan daripada mana?**

EMH: Benang, banyak-banyak daripada India ada, daripada China ada.

**CRF: *Directly* [terus] daripada India dan China lah? Order daripada --**

(mencelah)

EMH- Haa, kita ada – biasanya kita tidak buat masuk sendiri la, ada orang lain buat masuk lah. (Tokoh berdecit) Company, kita – dia buat masuk ini kita boleh ambil dengan dia lah.

**CRF: Boleh *specific* [khusus] kan benang apa yang digunakan?**

EMH: Sutera, banyak guna sutera lah. Sutera, kapas, dan *polyster* [poliester].

**NNK: Antara sutera, kapas dan *polyster*, yang mana paling mahal?**

EMH: Sutera lah. Sutera. (Berhenti seketika)

**CRF: Adakah benang-benang ini digabung – dalam satu – songket?**

EMH: Tidak ada. Song – dia ada *kahu* [kalau] kos sutera sutera, kapas dia tenun kapas. Kalau *polyster, polyster*. (bunyi motor lalu).

**CRF: Antara kegunaan benang ini *sdighi* [sendiri], yang manakah yang menjadi lagi banyak – pili --**

(mencelah)

EMH- *Kahu banyak* songket dulu, *banyak* sutera la masa dulu --

(mencelah)

NNK- Sekarang? --

(mencelah)

EMH- Sebelum tahun 80-an banyak. Sekarang banyak, banyak *polyster* lah pasal murah kan. Sutera mahal sangat orang tidak mahu buat dah. Tidak mampu nak buat sekarang ini. Terlampau mahal.

**CRF: Adakah dengan menggunakan *polyster* itu – kekemasan songket itu *still* [masih] nampak?**

EMH: Kurang *kemah* [kemas] sikit lah.

CRF: Kurang kemas.

EMH: Haa, kurang kemas. (Berhenti seketika) Tapi *mughoh* sikit lah. *Oghe* [orang] *nok* [nak] *hok* [yang] *mughoh*.

**CRF: Dari segi – penghasilan batik, pada ketika itu, - Encik Mohamed sendiri menggunakan teknik lukis ataupun *print* [cetak]?**

EMH: Kita banyak guna *print*. (berhenti seketika) (bunyi motor lalu). *Print* cop.

CRF: *Printing* [percetakan]?

EMH: *Print* cop. Cop cop tangan, pakai blok.

**CRF: Lukis itu *tok* pernah?**

EMH: Lukis itu kita tidak buat *sdighi* [sendiri] lah. (Bunyi tokoh berdecit)  
Batik lukis kita tidak buat.

CRF: *Tok pernah* [tidak pernah] dapat *request* [permintaan] daripada pelanggan untuk – untuk batik --

(mencelah)

EMH- Batik ada --

(mencelah)

CRF- batik yang dilukis --

(mencelah)

EMH- untuk *sekoloh-sekoloh* [sekolah-sekolah]

CRF: Ada?

EMH: Ada. Buat khas. Kita buatlah. Maknanya kita bagi orang buat lah.

**CRF: Dia berdasarkan kemahuan pelanggan lah?**

EMH: Haa pelanggan. (berhenti seketika)

**NNK: Antara batik dan songket, yang manakah lebih mudah untuk dihasilkan?**

EMH: Batik la. Batik dia kain putih, lukis *and then* [dan seterusnya] warnakan *and then* buang keliling itu. Selesai lah.

**CRF: Adakah encik – ada meminati dalam pemprosesan batik itu?**

EMH: Apa dia?

CRF: Adakah encik meminati proses pembuatan batik itu?

EMH: Pembuatan batik itu minat la tapi macam kita tidak buat *sdighi* la.

CRF: Tidak pandai lah?

CRF: Haa, tidak pandai.

**CRF: Antara corak-corak itu adalah diberikan daripada – encik kepada – pelu**

**– pe--**

(mencelah)

EMH: Haa, corak itu kita bagi dia ataupun dia buat sendiri pun ada. Kalau kita yang *upoh* itu biasanya dia bunga dia bagi, kita, bunga dia lah [selalunya kalau dia upah, idea corak bunga itu adalah daripada pembekalal sendiri]. Kira terima sahaja.

NNK: Dari manakah asalnya songket dan batik?

EMH: Batik saya rasa daripada Indonesia lah asalnya. Asal asal.

NNK: Untuk songket?

EMH: Songket ini (berhenti seketika) kalau nak kira daripada Terengganu, *pahtu* [selepas itu] asalnya ingatnya orang tua-tua dulu pun sudah buat lah. Itu sahaja. (Berhenti seketika)

**NNK: Apakah perbezaan antara songket di Indonesia dan di Malaysia?**

EMH: Dia sebenar ca cara proses itu lebih kurang sahaja. Sama sahaja. (Berhenti seketika)

**NNK: Yang berbezanya?**

EMH: Bezanya mungkin apa ini cara – cara ----- apa ini cara buat bunga dia mungkin dia berlainan sikit lah. Tapi maknanya *basic* [asas] itu sama sahaja.

CRF: *Basic* sama?

EMH: Haa, *basic* sama sahaja.

CRF: Kain – benang--  
(mencelah)

EMH- benang pun *basic* sama lah. Ada sutera, ada kapas, ada *polyster*.

**CRF: Dari segi kemahiran orang yang membuat itu *sdighi* la?**

EMH: Haa, dia maknanya ada ciri-ciri serupa pun ada. Cara nak buat bunga itu. Tapi ada beza sikit la. Ada beza sikit la. Corak bunga itu corak Indonesia dia beza sikit la. Dia banyak kepada flo apa ini, fauna, binatang. Macam kita ini banyak fauna.

**CRF: Adakah inspirasi songket itu memang diambil daripada Indonesia (berhenti seketika) bagi --**

(mencelah)

EMH- dok *jugok* kalau batik kita ada corak kita sendiri. Batik Indonesia corak *lagu lain* [jenis yang lain], corak lain.

**CRF: Bagi songket?**

EMH: Songket pun *sghupo* [sama] *jugok* [juga], kita ada corak kita sendiri, dia ada corak dia *sdighi*.

**NNK: Adakah encik sendiri yang menentukan pemilihan corak – pada songket dan batik itu?**

EMH: Tidak, tidak. Orang kerja la.

NNK: Orang kerja la.

EMH: Macam tenun songket ni bunga itu kita buat apa ini untuk jual itu kita buat yang mana laku sahaja. Kecuali ada tempahan itu lain la.

**CRF: Dari segi corak, yang manakah menjadi – rebutan ramai? Corak yang me – contoh corak yang macam mana?**

EMH: Kalau macam sekarang ini kalau batik, orang suka jenis lukis la, batik lukis, kalau batik.

CRF: Bunga-bunga lah?

EMH: Haa, kalau songket ini biasa – dia songket ini dia tidak ada fesyen. Daripada dulu *samo* [sama] sahaja. Haa begitu sahaja lah. (Tokoh berdecit) Dia tradisi kan.

**CRF: Okey, berapa lamakah – masa yang diambil untuk penyulam mahir dalam pembuatan songket?**

EMH: *Kahu* [kalau] nak betul-betul belajar ini kena dalam tiga empat bulan *buleh* [boleh] la pandai. (berhenti seketika) Tapi dia ada kursus ini kalau di Kraftangan Negara rasa dua tahun dia bagi -----.

**NNK:** Contoh la, kalau ada orang yang nak bekerja dengan Cik Minah songket ini, tapi dia nak menyulam songket itu – dia kena pergi kursus itu ke *gano* [macam mana]?

EMH: Tidak semestinya dia boleh belajar sini boleh --  
(mencelah)

NNK- belajar dengan --  
(mencelah)

EMH- Kak Som [Kalsom, kakak kepada Encik Mohamed]. Tapi tidak ada lah sekarang.

CRF: *Tak dok hok oghe* berminat [tidak ada orang yang berminat]?

EMH: *Tak dok oghe mudo-mudo* tidak berminat [tidak ada kerana orang muda-muda tidak berminat]. (Berhenti seketika) *Because* [sebab] orang sudah *educated* [berpelajaran] kan, tidak mahu lagi la. (bunyi orang tekan kata laluan pintu masuk)

**CRF:** Berapa hari songket dapat dihasilkan bagi seorang penyulam? (Bunyi penyapu terkena kerusi)

EMH: Kalau dia tengok *depends* la atas *design*. Kalau *design* yang susah itu, kalau untuk sampin dua meter se – dua meter su – 2.3 meter, kalau yang apa ini *design* yang *payoh* itu sampai sebulan sehelai buat.

CRF: Samapai sebulan? Oh.

EMH: Kalau *mudoh* itu seminggu siap.

CRF: Seminggu satu – sehelai la maksudnya?

EMH: Sehelai la.

**CRF:** *Total* [jumlah] untuk sebulan agak-agak berapa?

EMH: Sekarang ini tidak banyak lah. *Hok* kita buat sendiri tidak banyak *doh* [yang kita buat sendiri sudah tidak banayak] dalam lima puluh helai begitu sahaja. Tapi sekarang ini banyak kita *outsource* [sumber luar] la. Kita tidak buat sendiri, kita ambil *hok* orang.

**CRF: Untuk songket itu sendiri lah?**

EMH: Haa, songket batik itu *sghupo jah* [songket dan batik semua ambil daripada sumber luar].

**CRF: Sama sahaja?**

EMH: Em [ya], pasal orang pekerja tidak ada terpaksa kena --  
(mencelah)

CRF: Oh.

EMH: Kena *outsourc*e. (Bunyi bisikan).

**CRF: Jikalau – Cik Minah Songket dan Batik mendapat tempahan yang banyak, adakah encik akan menambah bilangan pekerjaan? (Bunyi kereta lalu)**

EMH: Tidak ada lah. Kita *outsourc*e lah.

**CRF: Outsourc**e sahaja?

EMH: *Outsourc*e lah, kita suruh orang lain buat. Mana yang apa ini, jadi kita tidak buat sendiri kerana orang nak cepat nak buat dengan *machine* [mesin] kita cari *oghe* yang boleh buat dengan *machine*.

**CRF: Dari segi keuntungan, adakah --**

(mencelah)

NNK- untung menggunakan *outsourc*e?

CRF: Haa, ataupun--

(mencelah)

EMH- Dia ya lah kalau buat sendiri itu --

(mencelah)

CRF- lagi untung? (Bunyi kereta lalu)

EMH: Pasal nak buat *banyok* tidak boleh sekarang ini. Pasal apa ini untung itu ada, tapi tidak, tidak banyak sangatlah.



CRF: Em, tidak banyak sangat.

EMH: Baik kita *outsource* senang, cepat, tidak ada - (berhenti seketika)  
(bunyi kertas dibeleg)

**NNK: Adakah sulaman songket itu menggunakan kuasa mahir manusia –  
ataupun mesin?**

EMH: Sekarang ini ada yang kalau yang kita buat ini masih tangan lagi lah.  
Tapi sudah ada orang buat dengan *machine* lah. Tapi kita tidak buat  
lah.

**NNK: Untuk pekerja Cik Minah ini, *just* [hanya] guna tangan?**

EMH: Tangan. Dia *machine* ini dia daripada luar negeri pun ada. Kita tidak  
buat sendiri lah.

**CRF: Adakah penggunaan --**

(mencelah)

EMH- tapi *design* [rekaan] pun *mudoh* sahaja, *design* pun *mudoh-mudoh*  
sahaja.

**CRF: *Kalu* [kalau] penggunaan *machine* itu, bagi encik lah, dia dapat mengeka  
- mengekalkan kekemasan – songket ke *dok* [tidak]?**

EMH: Oh *dok*, kurang sikit lah. Mutu dia jatuh la, tapi murah la.

**CRF: Dari segi harga murah?**

EMH: Murah la murah. (bunyi kertas dibeleg)

**CRF: Boleh encik – apa itu kongsiikan sedikit harga kalau menggunakan mesin  
--**

(mencelah)

EMH- Kalau *machine*, dia boleh paling murah dalam lapan puluh ringgit  
begitu lah untuk dua meter.

**CRF: Kalau tenun tangan?**

EMH: Tenun tangan dia *gi* [pergi] sampai – apa ini *four figures* [empat angka] la.

CRF: Oh.

EMH: Em. Empat lima ribu pun ada untuk dua meter lebih. (Berhenti seketika)

**NNK: Dimanakah tempat pemrosesan songket Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Kalau dari segi proses itu, kita buat sini jugalah.

**NNK: Kat rumah ini?**

EMH: Haa. Kita buat maknanya apa ini pasal benang kita sudah ada semua. Kita proses *and then* kita buat bunga, *oghe* [orang] tenun *maghi* [datang] ambil lah. (bunyi kertas dibelek)

**CRF: Adakah Cik Minah menyimpan stok yang banyak dekat sini? Stok? (bunyi kertas dibelek)**

EMH: Stok tidak banyak sangat lah. Untuk jualan sahaja lah. Untuk jualan hari-hari.

**NNK: Untuk bahan-bahan tenunan memang duduk sini la?**

EMH: Haa, memang kita ada disini. Stok lah, simpan lah. Macam benang emas, benang sutera sikit-sikit.

**CRF: Adakah Cik Minah Songket dan Batik tidak mengimpikan untuk membuat satu kilang sendiri untuk menghasilkan songket?**

EMH: Buat masa ini tidak ada la pasal lebih murah, lebih baik kita ambil dengan apa ini, *outsorce* dengan orang yang sudah ada.

**CRF: Tidak ada perancangan lagi? --**

(mencelah)

EMH- daripada kita *compete* [bersaing] dengan dia lah. (Berhenti seketika)  
Pasal kita sudah ada nama *doh*, orang *maghi caghi* [datang cari].

**CRF: Apa yang menyebabkan pelanggan masih setia dengan Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Dia *repeat* [ulang], kita banyak *repeat customer* [pelanggan ulang] lah. Dari segi ini maknanya – (tokoh berdehem) orang *maghi caghi* disini ini pasal kita sudah dari segi layanan kita kan. *and then* lagi macam maknanya orang nak *maghi caghi* yang betul-betul *hand-woven* [tenunan tangan] kan. Ada orang yang *maghi caghi* lah.

CRF: Kualiti lah?

EMH: Haa, kualiti lah. (Berhenti seketika) (bunyi geseran tangan pada kertas)

**CRF: *Ado* [ada] *hok* [yang] paling jauh *dok* [tak] *maghi caghi* Cik Minah Songket dan Batik? Pelanggan yang dari jauh, paling jauh?**

EMH: *Ado* macam orang inilah, sebelah-sebelah. Orang daripada apa ini – luar daripada Kelantan lah. Ada, dia *maghi caghi*, biasa ini la, masa kita masa cuti-cuti sekolah--

(mencelah)

CRF- Haa, adalah menerima --

EMH- kebetulan ada *maghi*, dia *maghi caghi* la [kebetulan ada datang Kelantan, dia datang carilah songket].

**CRF: Encik ada apa itu *database* [pangkalan data] pelanggan-pelanggan *dok*?**

EMH: Oh, tidak ada.

CRF: *Tak dok*?

EMH: Tidak ada. (Berhenti seketika)

**CRF: Pada pendapat encik, antara songket dan batik, yang manakah paling banyak mendapat sambutan daripada pelanggan?**

EMH: Dia songket ini dia apa ini pelan – apa ini pelanggan lain, batik pelanggan lain. Kadang-kadang itu orang *maghi caghi* batik, dia tidak mahu songket. Maknanya bagi saya, songket ini khas untuk perkahwinan ke, untuk pakaian adat istiadat.

**NNK: Paling banyak – dia pilih batik atau songket? Paling banyak pembeli la.**

EMH: Lebih kurang sahaja.

NNK: Lebih kurang?

CRF: Sama.

EMH: Lebih kurang. (berhenti seketika) (bunyi kertas dibeleg)

**CRF: Apakah pemakaian yang boleh dibuat menggunakan songket? Antara --**

(mencelah)

EMH: Pakaian dia pakaian tradisional. (berhenti seketika) Macam baju kurung, baju adat istiadat kan.

**CRF: Ada *dok oghe hok nok kawen maghi caghi* [ada tak orang yang nak kahwin datang cari] baju – *songket sini*?**

EMH: Biasanya dia beli kain, dia jahit lah.

CRF: Oh.

EMH: Haa, dia pergi jahit.

**CRF: Oh beli kain daripada sini?**

EMH: Em [ya], jahit. (Tokoh berdecit) Dulu kita buat sewa, kita sudah tidak buat sekarang ini.

**NNK: (Tokoh berdecit) Ada jual baju *hok siap doh* [ada jual baju yang sudah siap]?**

EMH: Tidak ada. Dulu kita buat sewa pasal tidak banyak lagi, orang suka *maghi* sewa. Sekarang ini pasal *banyak* [banyak] *mak andam* [tukang hias] buat sendiri, jadi tidak, malas *compete* [bersaing] dengan dia.

(Tokoh berdecit) Kita tidak pergi cari *customer* [pelanggan],  
*customer maghi caghi* kita kan. (berhenti seketika)

**CRF: Bagaimanakah encik mengekalkan penggunaan songket dalam kalangan anak muda bagi pendapat encik? (bunyi pen)**

EMH: Dia anak muda ini dia setakat sampin begitu sahaja dia pakai. Untuk maknanya, macam hari raya, untuk dekat kahwin, nikah kahwin. Haa, itu sahaja dia pakai [dia pakai ketika itu sahaja]. Maknanya terpaksa kena pakai sebagai untuk nak semasa untuk kahwin, dan untuk apa ini--

(mencelah)

CRF- antara acara--

(mencelah)

EMH- hari kebesaran, untuk acara sahaja lah. Untuk pakaian harian memang tidak ada.

**CRF: Bagi encik kenapa tidak ada, kenapa tidak mendapat sambutan daripada anak muda?**

EMH: Dia apa ini – pasal songket ini memang pakaian tradisi la.

**CRF: Adakah sebab mahal?**

EMH: Tidak kerana mahal juga pasal tradisi kan. ----- untuk pakai biasa itu tidak sesuai lah, tidak sesuai. (berhenti seketika) (bunyi pepn) (bunyi geseran tangan pada kertas)

**NNK: Apakah inovasi terkini yang dilakukan oleh Cik Minah Songket dan Batik bagi memasarkan songket ke peringkat yang lebih tinggi?**

EMH: Setakat ini kita tidak ada sangatlah, kita inovasi dari segi cara-cara itu belum ada lagi. Kita banyak buat jual ini, *customer* datang cari sendiri.

**NNK: Encik *promote* [mempromosi] guna apa itu untuk memasarkan ke --**

(mencelah)

EMH: Tidak ada lah. Guna apa ini, *mouth to mouth* [mulut ke mulut] *and then* [dan seterusnya] memang sudah orang sudah kenal. Kalau orang *maghi* Kota Bharu [Kelantan], kena *maghi tepat* [kena datang di tempat] Cik Minah Songket nak tengok cara-cara orang tenun kain.

**CRF: Adakah Cik Minah Songket dan Batik mempunyai *page fb* [laman Facebook] ataupun --**

(mencelah)

EMH- Ada, ada. Tapi tidak aktif sangat lah. Untuk menerangkan sahaja lah.  
(berhenti seketika)

**CRF: Adakah Cik Minah Songket dan Batik juga mendapat – mendapat in – pernah *interview* [temubual] bersama dengan wartawan ataupun program?**

EMH: Haa, ada. Macam *TV* [televisyen] dia *maghi ambik* [datang rakam].

CRF: *TV beghapo* [saluran berapa]?

EMH: *TV, TV*, semua semua *TV* ada.

CRF: Ya?

EMH: Em. Dia buat macam apa ini saya tidak ingat sudah program apa.

CRF: Dokumentasi?

EMH: Haa, pasal apa ini, pasal songket lah. *TV* apa saya sudah tidak ingat.

**CRF: Pada tahun berapa --**

(mencelah)

EMH: Ada keluar ----- dua dua, tahun lepas ada. Dua tahun lepas ada. *Tok* ingat *doh sayo* [saya sudah lupa]. (berhenti seketika) (bunyi pen)

**CRF: Bagi pendapat encik, bagaimana mereka mendapat tahu tentang – Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Dia melalui kraftangan lah. Kraftangan Malaysia. (Berhenti seketika)

**CRF: Adakah encik menerima dengan hati terbuka dengan wartawan?**

EMH: Haa, *tak dok* [tidak ada] masalah kita. (Tokoh bersenandung) Kita semua terbuka. (berhenti seketika) (bunyi kereta lalu)

**CRF: Sepanjang encik menguruskan Cik Minah Songket dan Batik, adakah encik seorang yang akan berdepan dengan mana-mana *interview* [temubual] daripada --**

(mencelah)

EMH: Haa, selalu ada.

CRF: Encik encik sahaja lah [encik sahaja la yang akan ditemubual oleh wartawan]?

EMH: Haa, kadang-kadang anak saudara saya. (berhenti seketika)

**CRF: Okey, antara – koleksi yang ada, songket itu sendiri, adakah encik inovasikan songket itu kepada, contoh benda yang lain, selain daripada kain?**

EMH: Ada juga lah, benda-benda apa ini *souvenir item* [barang cenderamata] kan. Kadang-kadang ada songket yang rosak-rosak itu kan, kita pilih-pilih kita buat *souvenir item*. (Tokoh berdecit) Macam beg tangan, barang kecil-kecil ini kan.

**CRF: Adakah proses itu dibuat oleh orang yang sama? Penenun yang sama?**

EMH: Penen – okey, penenun yang sama lah. Haa, tapi jahit itu orang lain lah.

**NNK: Menjahit itu upah orang luar jugalah?**

EMH: (Tokoh berdecit) Orang luar lah.

**CRF: Kalau tidak keberatan, boleh encik *share* [kongsi] kos untuk satu bulan menghasilkan – produk?**

EMH: *Depend* [bergantung] lah. Kalau macam songket kan, kalau songket untuk yang apa ini biasa itu, satu bulan maknanya kalau *sela* [sehelai] kain kan, *sela* kain itu dia *about sixty percent of the cost* [kos anggaran dalam enam puluh peratus]. Apa ini, apa ini kos *sixty percent* [enam puluh peratus] daripada harga jualan. Kalau jenis songket yang murah la. Kalau *hok* mahal itu dia ada tinggi sikit la [kalau songket mahal, kos itu tinggi sedikit]. (Bunyi tokoh mengetuk meja) Dari segi apa ini kos dia itu murah sikit lah daripada harga jualan lah.

**CRF: Boleh encik beritahu koleksi yang ada dekat – Cik Minah Songket dan Batik. Berapa anggran koleksi yang keseluruhan?**

EMH: Keseluruhan sekarang ini?

CRF: Aha [ya].

EMH: Sekarang ini apa ada dalam apa ini, kalau nak campur semua sekali batik semua sekali *about* [dalam] apa ini dalam dekat *one million* [satu juta] lah, songket semua sekali [termasuk songket]. (bunyi kertas diselak) (berhenti seketika) Musim, tapi musim ini *slow* [perlahan] lah. Tidak ada orang *maghi* [datang] kan.

**NNK: Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik dalam mengusahakan Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Cabaran sekarang ini dari segi pekerja kan. Dari segi pekerja, orang makin apa ini, orang tidak berapa minat songket. Orang muda-muda sudah pergi masuk apa ini, dia punya *progress* [perkembangan] pergi belajar kan. Jadi, tinggal orang tua-tua sahaja lah. Orang tua nak ajar kepada anak-anak dia tidak boleh la tidak ada kan. *So* [jadi] hilang begitu sahaja lah.

NNK: Sayang la.

EMH: *Maybe dying* [mungkin mati] apa orang kata ini, *dying industry* [industri mati] lah. ----- masa hidup. (bunyi kertas diselak). Maknanya



kita bukan buat la, kalau orang lain buat, kita jual sahaja lah.  
Terpaksalah.

**CRF: Antara cabaran yang lain?**

EMH: *Costing* [kos] makin meningkat.

**CRF: Dari segi?**

EMH: Semua semua lah segi  
(mencelah)

NNK- bahan

EMH: Bahan, *upoh* [upah].

**CRF: Boleh saya tahu, upah untuk seseorang penyulam ataupun penenun  
berapa sehari?**

EMH: Dia kalau yang – kalau tenun dekat rumah itu boleh la dalam satu ---  
-- kalau *hok good one* [yang paling bagus] itu dia boleh la dalam  
seribu lebih sebulan. Kalau *hok* mahal itu lah. Kalau *hok mughoh* ini  
tidak sampai lah.

**CRF: Adakah bayaran --**

(mencelah)

EMH- ada kita bayar kos sebagai *piece* [helai] pun ada.

**CRF: *Per piece* [satu helai] --**

(mencelah)

EMH- *per piece*. Biasa *per piece* lah.

**CRF: Setiap bulan lah di --**

(mencelah)

EMH- dia siap kita bayar.

CRF: Siap barang, bayar.

EMH: Dia *maghi* hantar, kita bayar la.

CRF: Oh. (Berhenti seketika)

EMH: Itu pun banyak buat pun apa ini tidak kata *full* [penuh] la, dia buat kerja untuk sambilan lah.

**CRF: Bagi encik la, *lagu mano* [bagaimana] untuk – kita bangkitkan kembali -**

-

(mencelah)

EMH: Dia *payoh* [susah] *doh* [Ia sudah susah] pasal apa ini orang apa ini, kos makin tinggi, *upoh* [upah] makin mahal kan. Jadi barang harga tinggi, jadi orang pun nak cari yang murah, terpaksa buat dengan *machine* [mesin]. Kena buat dengan *machine*, jadi *hok* [yang] mahal ini se- orang-orang sahaja beli [ orang-orang tertentu sahaja yang beli].

CRF: Orang tertentu, orang tertentu sahaja?

EMH: Haa [ya].

**CRF: Ada cabaran yang lain? Sudah tiada?**

EMH: Rasa itu sahaja lah. Kos, pekerja, itu yang paling itu sekali lah.

**NNK: Untuk penenun songket itu dia *dale* [dalam] lingkungan umur berapa?**

EMH: Sekarang ini, *more than* [lebih daripada] empat puluh keatas sahaja yang ada lagi. (berhenti seketika) Peringkat baru ----- sepuluh tahun lagi mungkin tidak ada dah [sepuluh tahun lagi mungkin sudah tiada].

**CRF: Cik Minah Songket dan Batik ada tak inisiatif untuk – mengembangkan lagi bakat-bakat anak muda, mencari bakat anak muda untuk men --**

(mencelah)

EMH: Dia masalah nak cari bakat tidak ada dah [Dia masalah untuk cari bakat anak muda sekarang sudah tiada], orang tidak mahu. Orang mudah tidak minat.

CRF: Tidak minat.

EMH: Dia memang tidak minat. (berhenti seketika) Kraftangan sahaja buat itu.

CRF: Oh, kraftangan.

EMH: Haa, kraftangan Malaysia kan, dia buat. Tapi kebanyakan bila keluar, tidak kena juga. Dia buat kerja sendiri, kerja lain.

CRF: Okey lah.

**NNK: Pada pendapat encik, - apakah langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan seni warisan batik dan songket untuk generasi masa depan?**

EMH: Jadi, buat masa ini, kerajaan sahaja boleh, boleh membantu kan.

CRF: Betul.

EMH: Membantu untuk beri elaun kepada pelatih. Tapi apabila sudah, diorang sudah pandai semua itu, bila keluar esok tidak mampak --

(mencelah)

CRF- tidak nampak hasil juga.

EMH: Tidak nampak hasil juga.

CRF: Jadi --

(mencelah)

EMH- ----- *just* [hanya] untuk dapat elaun sahaja.

CRF: Oh, *gitu pulok dih* [macam itu pula].

**CRF: Selain kerajaan, *hok boleh* [yang boleh] membantu industry songket dan batik ini dari segi mana?**

EMH: Dari segi rasanya buat masa ini tidak ada.

CRF: *Tak dok* [tiada].

**CRF: Adakah *kerajae* [kerajaan] sendiri pernah membantu?**

EMH: Kerajaan, kraftangan sahaja lah.

CRF: Kraftangan sahaja?

EMH: Kraftangan sahaja. Maksudnya kraftangan itu badan kerajaan lah.

**CRF: Dia membantu dari segi mencari --**

(mencelah)

EMH- Haa, dia buat--

(mencelah)

CRF- bakat-bakat menenun?

EMH: Haa, bakat-bakat menenun kan. Tapi mungkin adalah mungkin daripada Terengganu [Malaysia] itu mungkin dia ada apa ini kemahiran dia. Dia boleh buat sendiri ke, mungkin adalah. Tapi tidak banyaklah. Tidak banyak. Macam Kelantan ini tidak, buat masa sekarang tidak ada peserta --

(mencelah)

CRF- tidak ada peserta.

EMH: Langsung tidak ada peserta. Dulu dia *bukok* [buka]. Dulu ada *jugok* [juga] empat lima orang, tapi tidak, tidak ada la.

CRF: *Meme dying industry* [memang industri mati].

EMH: *dying industry*.

**CRF: Bagi encik sendiri, untuk melihat benda ini kearah lebih ke depan, bagaimanakah perasaan encik melihat keadaan generasi anak muda ini yang tidak memikirkan tentang wa – warisan --**

(mencelah)

EMH: Dia tidak boleh kata apa *because it's a choice* [sebab ia satu pilihan] lah, *choice* [pilihan]. Maksudnya kalau masuk benda ini, masuk ----- songket, adakah masa depan dia. Kalau dia pergi masuk *kot* [melalui] apa ini darui segi pembelajaran, masuk universiti semua lebih baik lagi dia punya masa hadapan.

**CRF: Mungkin disebabkan peredaran masa?**

EMH: Haa, masa lah.

CRF: Teknologi -----

EMH: Haa, teknologi. (berhenti seketika) (bunyi kertas dibeleg)

CRF: Okey, (berhenti seketika) kita *stop* [berhenti] dulu sekejap.

**CRF: Okey kita sambung lagi Encik. (bunyi pen atas meja)**

EMH: Ya.

**NNK: (bunyi berbisik) Adakah Cik Minah Songket dan Batik membekalkan songket kepada peniaga luar?**

EMH: Ada juga lah tapi tak [tidak] banyaklah. Kita banyak untuk jualan sendiri. (Puan Kalsom menyapu)

**CRF: Okey kita sambung lagi Encik. (bunyi pen atas meja)**

EMH: Ya.

**NNK: (bunyi berbisik) Adakah Cik Minah Songket dan Batik membekalkan songket kepada peniaga luar?**

EMH: Ada juga lah tapi tak [tidak] banyaklah. Kita banyak untuk jualan sendiri. (Puan Kalsom menyapu)

**NNK: Peniaga – yang mana - -**

(Mencelah)

**CRF: Yang biasa ambil songket tersebut?**

EMH: Kalau peniaga biasanya macam apa ini - daripada KL [Kuala Lumpur] ada lah sikit sikit. Selepas itu kebanyakan yang kita ada, kita buat ini macam kita buat untuk *institution* punya *order* [tempahan dari institusi] begitu sahaja, macam sekolah sekolah untuk samping lepas itu macam kerajaan negeri untuk *uniform* [seragam] begitu sahaja. (bunyi kertas)

**NNK: Selalunya berapa banyak satu *institution* [institusi] itu ambil tempahan?**

EMH: Kalau sekolah samping biasa dalam satu sekolah bukan sekolah la tapi satu penggal dalam 100 atau 200 helai macam itu lah. Kain tenun

biasanya *buke* [bukan] kain songket, kain tenun. (bunyi kertas diselak)

**CRF:** **Sekarang ini ada lagi tak apa itu pengambilan tempahan dari institusi?**

EMH: Ada - lagi lah yang itu, masih ada lagi, macam songket itu ada lagi lah, macam istana untuk pakai kan lepas itu pakaian istiadat ada lagi lah yang itu. Masih ada lagi lah.

**CRF:** **Ada *dok* [tak] peniaga dari pasar itu --**

(Mencelah)

EMH: *takdok takdok* [tidak ada].

**CRF:** ***Takdok?***

EMH: Kita buat sendiri untuk jualan sendiri sahaja banyak.

**CRF:** **Adakah tempat pembuatan songket hanya terkenal di Kampung Penambang sahaja atau menyeluruh di sekitar Kelantan?**

EMH: Di Kampung Penambang, di kawasan Pengkalan Chepa [Kota Bharu, Kelantan] lah. Di kawasan Pengkalan Chepa ini termasuk Banggol, Kampung Tingkap, PCB [Pantai Cahaya Bulan] sana itu kawasan itu la - *so* [satu] keliling dekat dekat ni.

**CRF:** **Yang lain tak ada lah?**

EMH: Tak ada lah. Kampung Banggol, Kampung Tingkap.

**NNK:** **Boleh Encik ceritakan macam mana songket itu di hasilkan?**

EMH: Ia asalnya daripada benang lah, benang putih dicelup selepas itu apa ini di jemur, kita kena *spin* [putar] balik untuk jadikan *wax* [loosen] ataupun loosen dia panggil. Ha daripada situ lah kita buat apa ini dia punya proses-proses, banyak juga lah ada dua tiga proses lagi *and then last* [dan akhirnya] sekali barulah masuk kepada mesin apa ini -

-

(Mencelah)

**CRF: Tenun?**

EMH: (Tokoh berdecit) Ha [Ya] alat tenun lah.

**NNK: Untuk benang putih itu benang jenis apa?**

EMH: Sutera biasanya. Sutera kena celup lah. Benang lain dia mari [datang] dah *coloured* [berwarna]. (bunyi kereta lalu)

**NNK: Okey. (bunyi kereta lalu)**

(Berhenti seketika)

**CRF: Boleh Encik ceritakan sedikit dengan lebih *detail* [menyeluruh] proses-proses dia? Dia ada berapa proses?**

EMH: Proses dia mula mula sekali celup.

**CRF: Celup.**

EMH: Lepas itu - celup, benang itu di - *spin* untuk di jadikan apa ini losen. Lepas - di jadikan losen, kita akan apa ini - dia punya *design* [rekacipta] semua la. - -

(Mencelah)

**CRF: Corak?**

EMH: Ya, dari corak daripada situ baru kita masukkan ia pada alat menenun untuk ditenun lah.

**NNK: Apakah teknik yang digunakan untuk menghasilkan songket? (bunyi kenderaan)**

EMH: Teknik menyungkit lah. Dia apa ini, benang itu apa ini - di selit antara dua benang lah untuk dapatkan *design*. (bunyi kenderaan)

**NNK: Teknik menyungkit. Susah tak nak selit antara dua benang tu?**

EMH: Ha yang itu kena belajar lah. - -

(Mencelah)

**NNK: Kena belajar lah?**

EMH: Ha kalau belajar tak susah --

(Mencelah)

**NNK: Perlu kemahiran juga la untuk selit itu?**

EMH: Ya kena belajar lah. Kalau tak belajar tak tahu cara dia.

**CRF: Apakah kemahiran yang perlu ada untuk menghasilkan sesuatu songket?**

EMH: Mengira saja lah.

**CRF: Mengira?**

EMH: Ha mengira benang ada banyak mana apa kena kira lah.

**NNK: Selain mengira?**

EMH: Mengira tak ada lah lepas itu kena mengira cara nak tenun ia berapa kali kena masuk benang untuk dapat jadi *design* itu kan, benang emas itu kan, kena masuk itu kan. Itu sahaja lah.

**CRF: Apakah sikap yang perlu ada pada seseorang penenun itu?**

EMH: Kena sabar lah. Sabar tenang tak ada lah itu sahaja.

**CRF: Prosesnya panjang?**

EMH: Ya.

**CRF: Berapa lamakah masa yang di ambil untuk --**

(Mencelah)

EMH: Tengok atas *design* dia la, kalau *hok payoh* [susah], yang susah lah itu dia boleh pergi sampai sebulan lebih pun ada [Kalau yang susah memakan masa selama sebulan lebih]. (bunyi kertas)



**NNK: Apa yang menyebabkan pembuatan itu susah untuk di buat?**

EMH: Dia banyak peringkatlah. Dia tenun tu banyak bunga itu tebal, design itu tebal jadi ia lambat. Kena -kena kira bunga itu. (bunyi jam)

**NNK: Kalau yang murah tu bunga dia sikit?**

EMH: Kalau yang murah ini bunga dia sikit dan dia *repeat* [ulang] banyak. Kalau yang mahal ini dia bukan *repeat* dia ikutan, dia lambat la.

**CRF: Okey. Apakah bahan-bahan asas untuk menghasilkan songket?**

EMH: Bahan asas macam itu lah benang la. Benang sutera dan benang emas la bahan asas dia.

**NNK: Selain benang tu?**

EMH: Takde dah la, itu saja la.

**NNK: Macam *colour* [warna] -- untuk celup tu?**

EMH: Colour tu macam dia boleh masuk sekali jugak la, *colour*. (bunyi pen jatuh).

**NNK: Adakah motif dan warna songket itu memberi maksud tersendiri?**

EMH: Ha dia ada kalau setengah warna itu warna Di-Raja warna Di-Raja selepas itu warna yang jenis pakai untuk berkabung. (bunyi kertas)

**NNK: Contoh warna Di-Raja itu warna apa? (Bunyi kertas)**

EMH: Warna kuning la --

(Mencelah)

**CRF: Warna untuk -**

EMH: Kuning kunyit la.

**NNK: Kalau warna untuk ber-ber-bergabung - berkabung itu?**

EMH: Warna putih.

**NNK: Warna putih.**

EMH: Dan kalau untuk *nati* [kechap] adat istiadat biasanya hitam. Hitam.

**CRF: Bolehkah Encik bagi satu contoh untuk motif itu sendiri yang memberi maksud? Satu motif?**

EMH: Ha motif macam - - pakaian istiadat itu dia macam bunga padi, bunga padi. Bunga kukuran tu khas untuk apa ini orang yang berpangkat Dato' di Kelantan la. Dato' Kelantan. (Tokoh berdecit)

**CRF: (Berhenti seketika) Apakah faktor utama yang mempengaruhi pemilihan motif dalam proses pembuatan songket? (bunyi pen)**

EMH: Motif, macam mana tu maksudnya? (Tokoh bersiul)

**CRF: Faktor utama yang mempengaruhi pemilihan corak dan motif?**

EMH: Dia sebenarnya motif tu memang kita dah - dah ada la, memang dah ada dalam simpanan, banyak dia daripada pokok pokok la, (bunyi motosikal) daripada fauna biasanya jadi kita takde itu sangatlah. Maknanya kita buat itu ikut keadaan (bunyi kenderaan lalu lalang) --

(Mencelah)

**CRF: Oo [Oh] takde spesifik la?**

EMH: Takde spesifik sangat la.

**NNK: Dari manakah Encik mendapatkan bahan-bahan pembuatan songket tu?**

EMH: Ha daripada China banyaklah, kalau sutera China, macam benang emas daripada India, Jepun. (bunyi kenderaan lalu lalang)

**CRF: Dekat Negara kita sendiri takdok [taka da] yang --**

(Mencelah)

EMH: Ya. Takdok. Dia *raw material* [bahan mentah] takde.

**CRF: *Raw material* takde?**

EMH: Haa semua *imported* [semua bahan itu di import dari luar negara]

**NNK: Adakah bahan-bahan tersebut mahal?**

EMH: Dia *depend* [bergantung] lah kalau macam sutera tu memang mahal, kalau poliester tak mahal -- sebab dia tiruan.

**NNK: Boleh kami tahu benang sutera tu berapa harga dia [ia]?**

EMH: Sutera dalam - 400 [RM400] *sekilo* [1 kilogram] la.

**CRF: Dia kira kilo [Kilogram]?**

EMH: Ha, dia kira *kilo* dalam 400 sekilo... --

**CRF: Untuk sutera?**

EMH: Kalau benang tu dalam 100 [RM100] lebih, -- kalau poliester tak sampai, poliester dalam 50 *hinggit* [RM50] gitu je sekilo, satu *kilo*

**CRF: *Sekilo*. Biasa Encik akan ambik bahan-bahan itu dalam berapa *kilo*?**

EMH: Kalau sutera tidak banyakla, sutera dalam sepuluh *kilo*, dua puluh *kilo* begitu je la.

**CRF: Untuk benang --**

(Mencelah)

EMH: Kalau polyester tu biasa banyak la pasal *hok* [yang] murah *nok* [nak] *wak* [buat], tu yang banyak wak songket itu.

**CRF: Haa berapa?**

EMH: Ini sampai kalau dalam apa ini kalau masa musim banyak itu sampai 1000 *kilo* ada.

**NNK: Dalam seribu kilo itu boleh hasilkan berapa helai songket?**

EMH: Dia kalau samping dia boleh sekilo boleh dua puluh lima helai ada la.  
(bunyi Puan Kalsom ambil gelas)

**CRF: Dalam dua meter la satu helai?**

EMH: (Tokoh berdehem) Ha 2 meter la *standard* la [piawaian]

**CRF: Adakah bahan-bahan ini susah di dapati di kawasan ini?**

EMH: Ha barang tak susah sentiasa ada kalau itulah - -

(Mencelah)

**CRF: Sentiasa ada?**

EMH: Ha sentiasa ada kalau nak beli, memang ada (bunyi tokoh berdehem)

**CRF: Apakah peralatan yang digunakan untuk menghasilkan songket?**

EMH: Alat dia tu jelah dia punya alat tu dia panggil *loom*, tu mustahak sekali kena ada la.

**CRF: *Loom*?**

EMH: Ha *loom* L-O-O-M [alat untuk memasang benang] ataupun dalam bahasa ini (bunyi kertas) kay la, K-A-Y, Bahasa Inggeris *loom* (Tokoh berdecit)

**CRF: Lagi? Ada lagi bahan?**

EMH: Ada, itu dia panggil *shutter - shutter* [alat untuk masukkan benang].  
Ada gigi dia panggil *rig* [gigi dalam bahasa tenunan] gigi untuk rapatkan benang. Itu jelah yang *main* [asas]

**CRF: Tu jelah [itu sahaja] yang *main* ini?**

**NNK: *Rig* untuk rapatkan benang. *Shutter* itu untuk apa?**

EMH: *Shutter* itu untuk masukkan benang antara losen tu jadikan kain itu  
(Tokoh berdecit)

**NNK: Kalau untuk *loom* tu apa fungsi dia?**

EMH: *Loom* untuk pasang lah, pasang benang untuk nak tenun tu.

**CRF: Okay jangka - jangka hayat untuk peralatan itu?**

EMH: *Ho takdok* [tak ada], --

(mencelah)

**CRF: Dia memang boleh pakai --**

EMH: Memang boleh pakai -- Haa selagi tak rosak la dia bukan mekanikal  
*kei* [kan], dia tak- takde tak de [tidak ada] haus ke apa la.

**CRF: Boleh diguna sampai - Cik Minah Songket dan Batik ini *meme* [memang]  
tak pernah guna mesin la *meme* tak pernah ada mesin la?**

EMH: *Ha takdok takdok* [tak ada], guna tangan.

**NNK: Menurut encik apakah keunikan yang ada pada songket tu?**

EMH: Keunikan dia tenun tangan *and then* [dan selepas] apa ini bunga dia  
itu tradisi lah maknanya tak sama nga kain biasa la (bunyi dari mulut  
tokoh)

**CRF: Antara banyak banyak bunga bunga yang mana bunga yang manakah  
menjadi pilihan untuk membuat --**

EMH: Haa dia banyak bunga, bunga yang paling banyak guna untuk kain  
itula dia panggil pucuk rebung la. Pucuk di kepala kain -- *tu kei* [itu  
kan], pucuk rebung, pucuk rebung paling *popular* [terkenal]  
la. (Tokoh bersenandung)

**CRF: Bagaimanakah encik mengekalkan pasaran songket?**

EMH: Ya?

**CRF: Bagaimanakah encik mengekalkan pasaran songket sehingga kini?**

EMH: Dia songket ini dia *demand* [permintaan] dia sentiasa ada – walaupun apa ni dalam keadaan sekali pun pasal benda ini tak banyak lah maknanya memang apa ini *demand* itu sentiasa ada la --

(Mencelah)

**CRF: Walaupun? Penggemar songket tu sentiasa ada la?**

EMH: Ya, sentiasa ada --

(Mencelah)

**CRF: Walaupun tidak mempunyai promosi yang tinggi?**

EMH: Tak memang orang mari cari la untuk kerja kahwin, macam itu lah.  
(Tokoh bersenandung)

**CRF: Cik Minah Songket dan Batik sendiri memang takde [tak ada] *promotion* [promosi] lah, *takdok* dari segi *marketing* [pemasaran]?**

EMH: Oo *kade-kade* [kadang-kadang] kita ada juga la pergi kalau kraf tangan buat Hari Kraf, kita *gi* [pergi] *jugok* [juga] la.

**NNK: Apakah segi marketing yang Encik buat dekat Kraf Tangan itu?**

EMH: Biasa pergi situ la, apa ini kena *direct selling* [jual secara langsung] pada masyarakat Kota [Jalan Kota Conlay Kuala Lumpur]. *So* dia orang tahu maknanya Hari Kraf ini dua minggu dia buat, jadi orang KL [Kuala Lumpur] ber- bertumpu *gi* Hari Kraf sepanjang Malaysia la.

**NNK: Kat mana tempat Kraf Tangan itu?**

EMH: Kraf tangan di Jalan Kota Conlay Kuala Lumpur (Encik Kamal membuka pintu kedai dan Tokoh bersenandung)

**CRF: Bagaimanakah cara pemeliharaan songket pada jangka masa panjang?**

EMH: Ha songket ini kena tak basuh kalau boleh kena guna *dry cleaning* [cuci kering] lepas itu kena simpan di tempat yang tidak masuk cahaya la -- tempat yang gelap dan suhu tidak berapa panas la *bowoh* [bawah] 30 *degree* [30 Degree Celcius] okey la. (tokoh berdecit)  
(bunyi kertas)

**CRF: Ada tok [tak] sepanjang MCO [Movement Control Order] la ore kato [orang kata] songket-songket yang rosak?**

EMH: Eh takde [taka da]—Ho *takdok* [tak ada].

**CRF: Takdok? [tak ada]**

**NNK: Apa yang menyebabkan songket itu apabila ia terdedah kepada cahaya matahari?**

EMH: Dia pudar la, *direct sunlight* [pancaran matahari] tak boleh.

**NNK: -----**

EMH: Ada *light* ke -- dia nak gelap supaya tak- dia takde cahaya la

**CRF: Meme koleksi ni ake [akan] duduk begini la kalau balik rumah. Gini jela [begini sahaja]?**

EMH: Dale [Dalam] songket itu kita *sipe dale gelap* [simpan dalam gelap], gelap la *dale* bowoh tepat [tempat] gelap.

**NNK: Patutlah.**

EMH: Bila *ore mari baru kito buko* [bila orang datang baru kita buka]

**CRF:** *Susah dok bagi encik nok jago* [susah tak bagi Encik untuk jaga] **kualiti songket ni ataupun cara pemeliharaan --**

EMH: Eh tok susah [tak susah] -- *biaso jela kalu tahu caro dio* [biasa sahaja kalau tahu cara]

(Mencelah)

**CRF:** **Sene [senang]?**

**NNK:** **(bunyi kertas) berapakah suhu yang terbaik untuk - -**

(Mencelah)

EMH: *Bowoh* tiga puluh la.

**NNK:** ***Bowoh* tiga puluh?**

EMH: Lagipun makin rendah makin elok.

**CRF:** **Berapakah harga songket yang paling mahal di jual oleh --**

EMH: Ho yang paling mahal kalau samping saja dalam antara 7000 - 8000 [Ringgit Malaysia] begitu la untuk 2 meter setengah.

**CRF:** **Yang di jual oleh Cik Minah Songket dan Batik sendiri?**

EMH: Ha ada. Kalu *hoktu* yang *special order* [tempahan istimewa] la.

**NNK:** **Apa yang menyebabkan songket itu mahal? --**

(Mencelah)

EMH: Cara tenunan tu ada payah dan bunga dia besar, lambat lah.

**CRF:** **Adakah pelanggan menerima dengan harga yang di tawarkan?**

EMH: Eh dia tahu. Pelanggan pun dia ada banyak banyak la.

**CRF:** **Dari golongan yang manakah pelanggan yang biasa beli? --**

(Mencelah)



EMH: Golongan yang *have* [orang yang berada] lah.

**CRF: Ramai *dok* yang order samping yang berharga - empat angka?**

(Mencelah)

EMH: Tak banyak tapi boleh jual la ada *oghe* [orang] mari cari.

**CRF: Encik sendiri ada *dok* mengenali rapat dengan pelanggan yang datang dekat Cik Minah Songket?**

EMH: Kita banyak customer apa ini kita panggil *repeat customer* [ulang pelanggan] yang biasa la, ramai.

**CRF: Mengenali rapat la?**

EMH: Memang kalau dia mari nak cari songket la ataupun dia bawa ore *member[kawan]* nok beli berminat, member dia ke dia mari la.

**NNK: Kebanyakan *customer - repeat customer* itu datang daripada negeri mana? Atau pun –**

(Mencelah)

EMH: Seluruh Malaysia la.

**NNK: Seluruh Malaysia? Kebanyakannya dari negeri mana?**

EMH: Dari KL banyak nya.

**NNK: KL la? Antara harga yang paling murah yang dijual di Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Murah, kalau yang *machine* [mesin] tu dalam 80 ringgit begitu saja la. RM80 itu dua meter.

**CRF: Yang dijual di Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Yang tenun dengan *machine* bukan kita buat la ore lain. Kita jual jah.

**CRF: Yang di tenun?**

EMH: Tenun tapi tenun *machine*.

**CRF: Tenun *machine*. Disebabkan murah itu sebabnya ditenun menggunakan mesin la?**

EMH: Ya. *Mass production* [Pengeluaran besar-besaran] la

**CRF: Bahan yang digunakan untuk membuat songket yang murah itu?**

EMH: Songket yang murah, poliester la yang murah. Kalau yang mahal tu sutera

**NNK: Mengapakah Cik Minah Songket dan Batik terkenal?**

EMH: Dia sebenarnya dah lama daripada dulu lagi tahun 60 an orang dah mari Kelantan nak tengok songket. Mari di Penambang Cik Minah Songket. Daripada situ la *mouth to mouth* [mulut ke mulut]

**CRF: Ada *dok* daripada dulu Cik Minah sendiri buat promosi untuk mengenalkan --**

(Mencelah)

EMH: Ya kita takdok jugok.

**CRF: Takdok? Memang *totally* [sepenuhnya] dari *mouth to mouth* la?**

EMH: Ha *mouth to mouth and repeat customer*.

**CRF: *Repeat customer*.**

**NNK: Apakah yang membezakan Cik Minah Songket dan Batik ini dengan pengusaha lain yang mengusaha songket?**

EMH: Dia tak ada beza. Dia ada masing-masing *customer* la. Tapi tak banyak sini ada 3 sahaja. Kat sini ada 3 --

(Mencelah)

**CRF: Tak ada saingan mana lah?**

EMH: Tak ada saingan la. Maknanya kita ada *customer* kita setengah tu dah biasa dengan *demo* [mereka] itu dia pergi sebelah.

**CRF: Apakah perbezaan songket Kelantan dengan songket Terengganu?**

EMH: Dia beza tak ada beza sangat, lebih kurang saja –

**CRF: Dari hasil tenunan?**

EMH: Sama saja –

**NNK: Corak?**

EMH: Corak pun lebih kurang sama yang bezanya harga itu atas cara pembuatan kalau yang susah tu harga tinggi kalau yang mudah tu murah lah.

**NNK: Apakah keunikan songket Kelantan berbanding songket lain pada pandangan encik?**

EMH: Dia masing-masing lah macam Kelantan Terengganu itu cara tenun dia dengan Brunei lain pulak teknik tenun dia itu saja bezanya. Songket Brunei songket Sarawak ada juga tapi teknik tenun itu lain sikit (Tokoh berdecit)

**NNK: Contoh kalau Kelantan dia guna teknik apa, teknik tenun yang macam mana?**

EMH: Teknik kita benang dia ada dua, tiga benang satu benang emas. Satu benang - - lima benang satu benang emas, macam setengah teknik itu

dia tidak ada, tidak ada tekak dia apa ini guna satu dua tiga tak kira dia letak begitu saja. Dia tak ada tekak.

**CRF: So tekak tu la yang menjadi - - keistimewaan la?**

(Mencelah)

EMH: Jadi design la. (Tokoh bersenandung)

**CRF: Kebanyakan *hok* [yang] tak buat macam Cik Minah Songket dan Batik tu sebab *gapo* [apa]?**

EMH: Apa dia?

**CRF: Hok tok buat tekak tu sebab *gapo*?**

EMH: Dia tak tahu pasal apa. Songket Kelantan Terengganu dia guna tekak *pah* [lepas] kalau Sabah Sarawak dia tak guna. Mungkin dari family asal macam itu dah.

**CRF: Kalu kira songket dekat Sarawak macam tak banyak mendapat perhatian orang ramai kan disebabkan itu lah?**

EMH: Mungkin la - - tapi kalau Sabah Sarawak Brunei, orang Brunei pun cari juga ini pasal dia *limited* [terhad] tak banyak dia keluar tak banyak - Dia guna untuk orang Brunei saja macam Brunei itu kebanyakannya istana beli - -

(Mencelah)

**CRF: Dia *limited*.**

EMH: Ya dia betul-betul untuk apa ini - -

**CRF: Orang ternama?**

EMH: Ya orang ternama untuk apa ini adat istiadat begitu saja lah, untuk pakai biasa jarang.

**CRF: Jarang dikeluarkan.**

**NNK: Yang Brunei istana itu dia beli songket jenis benang – emas ke benang sutera?**

EMH: Dia *serupo* [sama] jah, *basic* [asas] srupo saja benang sama tapi cara tenun dia lain sikit.

**CRF: Adakah corak songket Kelantan sama dengan corak songket di negeri lain?**

EMH: Tak tak, kalau dengan Terengganu lebih kurang lah kalau negeri lain tak ada songket. Kelantan Terengganu saja ada nya.

**CRF: Hak [yang] paling popular la bagi encik, Kelantan lah yang lagi mendapat perhatian?**

EMH: Dia setengah orang suka pergi beli dekat – atas masing masing la

**CRF: Atas masing masing.**

EMH: Ya atas masing masing, Terengganu pun dia ada apa ini *market* [pasaran] dia sendiri

**CRF: Dari manakah datangnya majoriti pembeli yang membeli songket?**

EMH: Majoriti – orang apa ini daripada KL pun ramai, dari luar-luar la *and then* orang *local* [tempatan] pun banyak dia beli untuk ini la pakaian istiadat - - ataupun untuk ke-raian dan kahwin itu saja lah yang popular.

(Mencelah)

**CRF: Istiadat? Acara?**

**CRF: Orang KL yang mari sini banyak tak dia beli bila dia mari itu?**

EMH: Eh *kade kade* dia beli *banyak* [banyak]

**NNK: Berapa itu?**

EMH: Empat lima helai seorang *kade kade*. Dia beli pasal dia *jare* [jarang] mari kei. *Ore klate* duk luar *nu* [sana] *dio* balik dio beli. [Orang Kelantan yang tinggal di luar Kelantan akan membeli songket apabila balik]

**CRF: Adakah harga yang ditawarkan secara pukal ada juga dok bagi secara pukal ataupun harga tu masing masing la kiro?**

EMH: Masing-masing la. Biasanya kalau dia beli banyak itu kita murah sikit

**CRF: Ada potongan lah?**

EMH: Sikit-sikit ada lah.

**CRF: Dari golongan manakah yang selalu membeli songket yang paling mahal?**

EMH: Golongan ini la orang yang ada, 'have' la, top - - dia panggil apa dah atas sekali tu top, T20 [kumpulan tertinggi 20 percent] lah

**CRF: Golongan kerabat - T20.**

EMH: Ha T20 itu.

**CRF: Kebanyakan dari T20 lah yang beli paling mahal. Jadi Cik Minah Songket dan Batik mempunyai customer dari banyak golongan lah?**

EMH: Banyak golongan lah

**CRF: Banyak golongan la, orang yang paling - -**

(Mencelah)

EMH: Dia beli hok muroh

**CRF: Ada juga lah, tak nanti ko T20 lah mari beli?**

EMH: Tak semestinya.

**NNK: Adakah Raja-Raja pernah membeli songket dengan Cik Minah?**

EMH: Ada, Tuanku Kelantan, Tuanku Kedah tapi tak mari sendiri la dia ada melalui istana lah

**NNK: Pernah masuk berita tak dia pakai baju itu?**

EMH: *Takdok, takdok* masuk tapi kita kenal lah kain kita

**CRF: Pakaian itu digunakan untuk acara-acara ke - - spesifik acara lah?**

(Mencelah)

EMH: Acara untuk Hari Keputeraan, biasa Keputeraan lah - -

**NNK: Banyak kali ke dia guna - servis?**

EMH: Dia beli sekali ada dua tiga tahun dia tukar sekali ha begitu lah.

**NNK: Tapi dengan *sokmo-sokmo* lah?**

EMH: Ya, ada sokmo mace Tuanku Kelantan ini daripada dulu lagi

**CRF: Daripada dulu itu boleh tak *state* [nyatakan] tahun bila itu?**

EMH: Tak ingat dah kita - -

(Mencelah)

**CRF: Tapi *meme* banyak tahun la?**

EMH: Memang daripada dulu lagi lah

**CRF: Adakah dia pun mengenali la Cik Minah?**

EMH: Dia tahu dah - -

(Mencelah)

**CRF: Dia kenal? Setiap kali pemakaian songket itu daripada Cik Minah Songket dan Batik?**

EMH: Kalau yang Tuanku kita buat lah, Tuanku Kelantan lah

**CRF: Dari segi pekerja ada pekerja spesifik ke untuk buat songket untuk Raja itu?**

EMH: Yang tu kena orang yang betul-betul pandai lah, orang tenun kemas.

**CRF: Berapa orang diperlukan?**

EMH: Yang itu sorang tak apa dah

**CRF: Sorang tak apa dah?**

EMH: Pasal dia tempah awal lagi, dia nak pakai bulan sepuluh bulan sebelas, bulan dua, tiga dia tempah dah. Kita buat *slow-slow* [perlahan-lahan]

**CRF: Bayaran itu akan melalui Cik Minah Songket dan Batik dulu baru ke penenun itu?**

EMH: Eh kita bayar dulu - -

(Mencelah)

**CRF: Ke penenun?**

EMH: Ya, upah kena bayar.

**CRF: Upah pun mahal la kiranya untuk dia?**

EMH: Upah ada la, boleh lah

**CRF: Sebab dia buat khas untuk Raja. (Tokoh berdecit) Bagaimana Cik Minah Songket dan Batik ini mendapat perhatian dari Tuanku Diraja?**

EMH: Dia asal lagi.



**CRF: Asal lagi? Pada permulaan Cik Minah Songket dan Batik**

EMH: Dia tahu kita buat songket kan dia mari tempah lah

**CRF: Adakah dari kerabat-kerabat sendiri mari - -**

(Mencelah)

EMH: Kerabat banyak mari beli

**CRF: Kerabat-kerabat beli?**

EMH: Ya nak pakai untuk pakaian ini la pakai masa hari - -

(Mencelah)

**CRF: Pakai masa istiadat ini lah?**

EMH: Hari istiadat itu dia ada *colour-colour* dia pula. Pakaian istiadat.

**CRF: Pada pendapat encik lah, adakah pemakaian songket menjadi pilihan dari luar negara selain Indonesia atau Brunei?**

EMH: Dia songket ini *local life* [kehidupan tempatan]

**CRF: *Local life*.**

EMH: Dia tak ada sampai ke luar negara lah, setakat dalam Malaysia saja.

**CRF: *Takdok* dari negara-negara luar ke – Amerika?**

EMH: *Takdok*.

**CRF: *Takdok* guna - -**

(Mencelah)

EMH: Kalau ada pun mungkin kraf tangan dia buat *value-added* [nilai tambah] lah.

**CRF: Pakaian memang *takdok*?**

EMH: Meme *takdok*. *Value added*.

**CRF: *Takdok* la dari negara luar menghasilkan songket ini?**

EMH: Ada tapi cara lain lah.

**CRF: Cara lain?**

EMH: Macam Indonesia, Brunei.

**CRF: Indonesia dan Brunei.**

EMH: Ada.

**CRF: Untuk negara yang - -**

(Mencelah)

EMH: Untuk alik - - Thai [Thailand], Burma.

**CRF: Tapi cara dia lain?**

EMH: Cara dia lain.

**NNK: Adakah pelancong asing datang untuk tengok songket?**

EMH: Ada selalu ada tapi ini *takdok* ini, tiga bulan *takdok* la pasal dia *takleh* [tak boleh] masuk kan.

**NNK: Dia beli lah?**

EMH: Dia beli jenis *souvenir* [cenderamata] saja, barang kecil-kecil kan

**CRF: Tapi ada la yang mari tengok?**

EMH: Ada kalau hok itu dia beli untuk - -

(Mencelah)

**CRF: Pameran?**

EMH: Dia beli untuk pameran bubuh [letak] dalam *frame* [bingkai]

**CRF: Menarik, tapi ada *dok hok* daripada asing tu beli untuk pakai?**

EMH: Jarang, dia beli untuk buat perhiasan lah.

**CRF: Boleh ceritakan perasaan Encik bila golongan tertinggi itu memakai songket hasil daripada - -**

(Mencelah)

EMH: Tak rasa, rasa itu saja la kain kita - -

(Mencelah)

**CRF: Dihargai?**

EMH: Dihargai lah kain kita tidak bangga sangat lah maknanya suka lah tengok.

**NNK: Apakah - ada tak *feedback* [maklumbalas] daripada Raja [Raja Kelantan] selepas dia pakai baju itu?**

EMH: Biasa ada lah, ada bagitahu maknanya comei - -.

(Mencelah)

**CRF: Dari segi keselesaan?**

EMH: Keselesaan. Takdok doh? Ada lagi?

**NNK: Jap jap.**

**CRF: Apakah pesanan Encik kepada golongan muda yang nak mula bisnes *nego* [niaga]?**

EMH: Untuk niaga macam kalau songket ni kalau nak buat sendiri tidak sesuai la sekarang ini buat maa sekarang lah. Tapi kalau untuk - - apa ini songket ini buat barang sebagai *value-added* tu mungkin boleh. Macam dia buat jenis pakaian apa ini macam bag ke - -

(Mencelah)

**CRF: Inovasi?**

EMH: Inovasi lain lah, daripada songket tapi bukan tak semestinya songket apa ini yang ditenun dengan tangan tapi tenun machine pun taka pa boleh asal nampak songket tapi kalau nak buat apa ini *future* [masa depan] itu taka da lah - - buat *masa lani* [sekarang]

(Mencelah)

**CRF: Ya buat masa lani keadaan lani, untuk macam gapo doh yang mula nak bisnis la apa pesanan encik dan gapo hok dia perlu ada untuk dia mula bisnis tak kira lah dari songket untuk buat bisnis songket ke bisnis lain ke?**

EMH: Dia kena ada apa ini minat lah. Mustahak sekali minat lepastu kena apa ini – jujur dan kalau boleh kena kenalan ramai lah. Jujur *and then* kena rendah diri. Ha tu paling mustahak la empat itu.

**CRF: Gano kita nak kecapai kejayaan itu? Apakah sikap-sikap yang perlu ada sebagai seorang *businessman* atau *businesswoman* [usahawan lelaki dan wanita]?**

EMH: Yalah kena – ada ciri ini lah

**CRF: Ciri ciri ini lah?**

EMH: Ya serupo saja la

EMH: Takdok doh pah kalu ada gapo gapo telefon lah. Ada berapa lagi?

EMH: Apa ini '*have*' barang murah barang mahal kei setengah ore tanya kenapa bare mahal *ore* beli, pernah dengar dok Maslow Theory?

**NNK: Maslow? Ya.**

EMH: Dia ada hak bawah - -

(Mencelah)

**NNK: *Hierachy* [sejarah] itu?**

EMH: *Hierachy* kei maknanya ha katas sekali itu jenis ego, ego serta dia  
*have* - -

(Mencelah)

**CRF: *Dia rasa dia* - -**

EMH: Maknanya dia nak everything dia nak kepuasan

**CRF: *Sebab itu lah dia membeli songket tu yang - - paling mahal***

EMH: Maknanya dia beli itu dia nak hak sentiasa mahal, hok molek pasal  
dia ada.

**CRF: *Pasal dia ada benda itu dia boleh* - -**

(Mencelah)

EMH: Maknanya peringkat bawah ini tak kisah - - tak kisah pakai *gapo* pun.  
Tak kisah pakai *gapo* tak apa *as long as* [asalkan] matlamatnya  
sampai.

**CRF: *Cukup syarat?***

EMH: Maknanya kenyang ada belaka.

**CRF: *Kiranya yang menempah songket itu sebenarnya* - -**

EMH: Ya, lepastu *so* [satu] lagi dia panggil Parkinson Law, pernah dengar  
tak?

**CRF: *Parkinson dok.***

EMH: Dia kei okey kita bagi *simple reason* [mudah]. Okey kalau gaji  
RM300 *per month* [satu bulan] *simple* kita ambik paling mudah, 90  
percent RM270 perut dulu. Kita belanja untuk perut dulu.

**CRF: *Okey okey.***

EMH: *Another* [Lain] maknanya 270 *necessity* keperluan] untuk mustahak  
sungguh roti nasi - -

**CRF: Untuk *kenye* [kenyang] jah?**

EMH: Untuk kenyang saja, tiga puluh *ya* [tiga puluh ringgit] lagi ni 10  
percent ini untuk bayar bil api yang *mustahak* [penting] terlalu  
mustahak

**CRF: Kalau tak bayar *tokleh* - -**

EMH: Ha gitu maksud dia. *Pah* [Lepas] kalau gaji masuk kita kata 3000  
sebulan *simple* jah ni, 50 ringgit 50 percent of 3000 berapa?

**NNK: 50 percent of 3000? RM1500.**

EMH: RM1500 simple dok? So 50 percent of 3000 ini dia spend 1500 more  
than this one. Napok dok? Jadi dia punya *necessity* good dia itu - -

**CRF: Banyak lah?**

EMH: Hokni makan ikan sela, ikan selayang ----- *sedang molek g* [kebetulan  
pergi] kedai tengok ikan empat *ya* [ringgit] sekilo dio beli pah kalau  
hokni.

**CRF: Macam macam boleh beli.**

EMH: Bawal, boleh beli bawal sedap sikit makan - -

**CRF: RM20 *sekilo***

EMH: Lepastu *luxury* [kemewahan] hokni ini *luxury* lah. Maknanya rumah  
dia besar sikit api paka besar sikit.

**CRF: Sebab itu lah ada keinginan yang tinggi?**

EMH: Pastu katalah dia masuk 30 000 sebulan, okey nak cukup masa ini kei  
- - ten percent dok? 90 percent terbalik daripada hokni. 10 percent of

30 000 is berapa? 3000 dok? Tengok mewah lah, maknanya ikan bawal - - make kat restoran - - doh 3 ribu sebulan

(Mencelah)

**CRF: Buke ikan bawal, king crab pun boleh.**

EMH: hokni 2000, 27000 *luxury* [mewah] kereta besar goni kereta mercedes rumoh rumoh mewah. Sini tengok bezo dok? Maknanya cara hidup tu apabila hokni B - -

(Mencelah)

**CRF: kelangsungan hidup?**

EMH: Kelangsungan hidup B40, hokni m40 hokni T20 ha *simple* jah (ketawa) cukup dah ko?

**CRF: (ketawa)**

EMH: *kalu pehe hokni mudoh bena semua gitu blako* [kalau faham yang ini mudah sahaja sebenarnya]. *Tiap tiap ore* [ssetiap orang] ini sebab itu *ore happiness* [kebahagiaan] bukan duk sini, buke duk sini tak semestinya ore ni dok mace hokni - -

(Mencelah)

**CRF: Macam ada belaka tapi dia hati.**

EMH: Macam *hokni* [yang ini] ini dok rumah dia kecil rumah dia sederhana *dok?* Tapi family dia *line [tenang] takdok gapo satu*. Maknanya ore panggil *gapo* tu apa ni *gapo* doh tak ingat doh Allah, maknanya kalu dia apa ini *family [keluarga]* dia itu *sene* [senang] *takdok gapo satu rilek* [santai].

**NNK: Tak ada masalah.**

EMH: Takdk masalah. Macam *hokni dok* sibuk ini, *mokpok* [ibu bapa] *meeting* [mesyuarat] situ *meeting* sini

**NNK: Kijo [Kerja] taktahu balik pukul berapa.**

EMH: *Pah* nok rumah ini tak tahu *gapo* satu jadi *drug addict* [penagih *dadah*] la jadi macam macam, *so happiness* ni tidak semestinya --

(Mencelah)

**CRF: Tidak diukur oleh - -**

(Mencelah)

EMH: *ore kato money* - -

(Mencelah)

**CRF: *can't buy happiness* [tidak boleh beli kebahagiaan]**

EMH: *Money can buy a house* [Duit boleh beli rumah]

**CRF: *a house*.**

EMH: *money can buy a house but money can't buy a home* [Duit boleh beli rumah tapi tak boleh beli isi rumah]. Tak serupa itu. Duit banyak mana *buleh beli rumoh* besar semua itu *dok*? Tapi tak boleh beli *home* nak beli *home* macam mana. Dah dalam rumoh anak itu doh *mokpok tubik* apa ini ibu bapa - masuk waktu maghrib sebelum maghrib *tubik* [keluar]. *Tubik* nga suami, suami *tubik* nga isteri pergi *semaye* [sembahyang] masjid. Pergi *smaye* maghrib dengan isyak. Tujuan baik gi sebelum maghrib tunggu sampai isyak. Katalah ni *gi* pukul enam setengah masjid *dok* balik pukul sembilan. Berapa jam situ? Duajam setengah *dok* --

(Mencelah)

**CRF: Masa dengan anak ini - -**

(Mencelah)

EMH: Dua jam setengah *dok*. Mok ayoh pergi masjid anak pun *tubik*. Anak *tubik* keluar, *sain* [kawan] lah *tubik isap* [hisap] rokok *dok*. Ayah balik pukul 9, anak balik pukul 8.50. Ayah balik anak duk depe wak *lolok* [tipu] baca buku (ketawa) *napok dok* [Nampak tak]? Tapi tujuan *moklok* itu baguslah pergi masjid tapi tak nampak ini --



**NNK:** Tak *napok* anak buat *gapo* tak tahu.

EMH: Ha *napok dok*?

**CRF:** Bagi pengalaman encik sendiri lah --

(Mencelah)

EMH: ini pengalaman tapi tidak anak kita tidak begitu

**CRF:** Yelah pengalaman yang Encik tengok lah selama-lama ini.

EMH: Macam anak saya hok bongsu dia suka main *squash* mahal raket dia 600, 700 [RM]. Kalau yang murah mudah patah. Lepastu kasut *dok*, kasut kalau yang murah pecah pakai sebulan pecah kena beli yang 300 400 sepasang. Jadi dia nak kasut ini kita jangan bagi duit dia --

(Mencelah)

**CRF:** Bagi kasut itu.

EMH: kita pergi beli dengan dia --

(Mencelah)

**CRF:** Ajar dia

EMH: *gi* beli raket beli nga dia ----- kita bayar buke dia bayar. Jangan bagi dia, kena ajar begitu. *Takpo* mahal *takpo* --

(Mencelah)

**NNK:** Tapi *jange ajar* [jangan bagi] *bui* duit dia.

EMH: *jange bui* duit dia buke duit dia ini duit kita

**CRF:** Bawa dia pergi sekali

EMH: bawa g sekali

**CRF:** Ikut jah *gapo dio nok*?

EMH: ha *takpo* tapi kita bayar *jange bui* duit dia g beli. Kalau bagi duit dia, kalau dia nakal dia kata kasut itu RM600. Jupoo sains tengah jalan *sain* dia kata 'eh beli harga rm400 sudah la, RM200 lagi kita belanja'

**CRF &**

**NNK: (Ketawa) betul betul.**

EMH: *Gak* dia *peer* [rakan sebaya] *group* [kumpulan] lebih percaya

**CRF: Lebih percaya ke ini, mudah terpengaruh.**

EMH: dia situ kena jaga

**CRF: Dari segi encik didik anak lah lagu itu lah?**

EMH: ha lepas itu masa itu biar kena apa ini *supo hokni* suka main *squash* [skuasy] *dok*. Balik sekolah dia buat *kijo* [kerja] sekolah semua pukul 4 lepas asar gi *training* [latihan] *squash*, kita g hantar jangan bagi pergi sendiri. Tak payah marah. Saya tak marah ko anak tak pernah marah ko anak.

**CRF: Anak encik boleh menerima dok dengan cara didikan encik bagi itu?**

EMH: dia terima --

(Mencelah)

**CRF: Dia okey?**

EMH: dia gini anak ini *jange bui* dia takut --

(Mencelah)

**NNK: Biar dia hormat?**

EMH: jangan bagi dia takut kita, biar dia ini hormat kita

**CRF: Kita bertindak sebagai *sain* dia**

EMH: buke nak kato sain jugok sebab dia rendah pade kita. Biar dia hormat kita. Kita jangan marah.

**CRF: Tapi kena ada cara.**

EMH: Kena ada cara jangan marah satu lagi kita jangan marah dia lepas itu dia nak *gapo gapo* [apa-apa] kita bagi tapi jange bui ko dio. Pah dio nak pergi mana mana dok *mace* dulu ada panggung wayang kei?

**CRF: ho ada.**

EMH: Ada *hok tino* [anak Encik Mohamed, Puan Rozana] tu dia nak g *tengok sapo doh*. Nak pergi tengok nga *sain sain* dia ajak sain pergi sekali. Kita pergi hantar dia panggung. Kita pergi hantar dia tengok, pergi ambil pukul berapa habis kita g ambik lah. *Nga* [dengan] *sain sain* dia.

**CRF: Barulah dia ada disiplin.**

EMH: Ada disiplin lepas itu dia rasa kita ini cara dia.

**CRF: Betul, tak banyak rasanya ibu bapa *wak* gini. *Skalo* [Biasa] kalau kita tengok *loni* ibu bapa *mace* lebih kalau dia *kijo* dia akan bagi duit ko anak**

--

(Mencelah)

EMH: *Takleh* jangan bagi, duit poket cukup-cukup jah.

**CRF: Dia nak tutup kei masa masa hok dio takdok dia bagi duit.**

EMH: ha tak boleh. Mustahak jangan bagi. Kemewahan jangan bagi, bagi keperluan yang dia nak jah. Mahal takpo. Duit kita. Bukan duit dia. Lepas itu jangan bagi dia takut. Dia takut dia buat alik belakang.

**NNK: Betul.**

EMH: Betul dok? Dia *wak alik* belakang [buat belakang tokoh], kalau dia malu dia hormat dia tak buat. Kalau *sain* ajak dia oyak “*aku malu ko ayah aku la* [saya malu dengan ayah saya]”. Dulu lagi dia itu. Sebab itu anak saya rokok tak hisap. Dua dua tak hisap.

**CRF: Cara kita ajar anak kita sebenarnya**

EMH: Tapi saya dulu hisap rokok. Maso dulu. Masa duduk ITM dulu hisap rokok.

**CRF: Bila berhenti?**

EMH: Berhenti tahun 1994. Dia tengok kita hisap rokok mugo besar doh. 1994 itu *sore* anak itu tingkatan - 1994 sekolah doh la. Dia *dei* [sempat] ingat kita hisap rokok.

**CRF: Dia ingat lah.**

EMH: pastu dei kita hisa rokok, dia form 1 form 2 kita kata nak hisap hisap lah tak marah. --

(Mencelah)

**CRF: Tapi dia --**

(Mencelah)

EMH: Tapi masa itu tahun 1994 saya berhenti, 92 93 [tahun] dia tengok kita hisap rokok la ada atas rumah tapi lepas dia sekolah menengah itu tak larang. Hisap hisap tak marah kata.

**CRF: Tapi dia memilih *tak se [tak nak?]*?**

EMH: Tak hisap tapi kita oyak dia ore hisap rokok ini sampai satu masa dia menyesal. Dia nak berhenti tapi payah nak berhenti. Kata mujur saya boleh berhenti. Nak hisap hisap lah, tak apa tak marah. Lepas itu dia fikir *yolo* [betul] juga dok. Kalau dei hisap gak payah nak berhenti.

**CRF: Cara kita itu sebenarnya**

EMH: Dia mudah sebenarnya, anak tak payah marah, dia kena bagi masa dengan dia, kena gurau.

**CRF: Takdok kato kena marah setiap hari?**

EMH: Tak boleh tak leh marah

**CRF: Lagi dia itu -**

EMH: Lagi dia itu. Dia berasa *depress* [tekanan] lah. Kita wak kita suka *sokmo* [selalu] dengan dio

**CRF: Encik boleh *dok* [tak] kita lari sikit dari topic, kita tanya pasal *gapo* itu pewaris selepas Encik nak pencen selepas ini?**

EMH: Ada anak saudara lah itu. Zuhairi.

**CRF: Nama?**

EMH: Zuhairi bin abdullah. Anak saudara dia *reti* [pandai] nya. Lepas US [United State] itu

**CRF: *Ngaji gapo* [belajar apa]?**

EMH: Dia *ngaji* US dia ambik *gapo* dulu.

**CRF: Lepas master la *ko* [atau]?**

EMH: Dia ada *degree* [Ijazah] *jah* [saja]. Di US dulu. *Bini* [isteri] dia pun US juga sekali. *Bini* dia cikgu mengajar SK Che Latiff [Sekolah Kebangsaan Che Latiff, Kota Bharu]

**CRF: Kiranya dia la akan jadi penama?**

EMH: Dia la sikit lagi. Mugo *ore* lain *takse* [tak nak] doh.

**CRF:** *Loni pun dia fully [sepenuh] --*

EMH: Loni pun dia banyak duk [duduk] atas.

**CRF:** *Duk jaga?*

EMH: Kebetulan *loni takdok ore kei* tak kisah lah mana la.

**CRF:** **Bidang hak dia ambik dulu taktahu?**

EMH: Dia ambil *gapo* tak ingat dah. Tapi dia dei balik *kijo* dengan bank [Maybank, Kuala Lumpur].

**CRF:** **Dia kijo dulu?**

EMH: (Tokoh berdecit) Anak dia pandai, anak dia dua orang.

**NNK:** **Besar dah anak dia?**

EMH: Anak dia apa ini - lepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] *belako doh*.

**CRF:** **Muda.**

EMH: Boleh *gotu* [apa itu] doh hok sulung baru ini, boleh *scholarship* [basiswa] Khazanah [sic. Yayasan Khazanah].

**NNK:** **Pandai.**

EMH: (Tokoh berdecit) Khazanah

**CRF:** **Umur berapa encik zuhairi?**

EMH: Nanti dulu dia tahun - 1972. Berapa?

**CRF:** **(ketawa) 48 tahun**

EMH: Ya lah itu.

**CRF:** **Sebelum dia nak *gapo* itu nak *kijo* sini dio *kijo* Maybank selepas dia *grad* [graduation] dari US itu lah?**

EMH: Ha *kijo* sana.

**NNK: *Bakpo* [Kenapa] dia boleh berhenti?**

EMH: Dia berhenti itu dia nak *kijo* sini lah. Lepastu maknanya *kijo* KL pun tak ada itu juga (Tokoh berdehem). Lepas itu kebetulan *bini* dia pun boleh masuk Kolej Maktab Perguruan Bahasa Enggeris.

**CRF: Cikgu English la *loni*? Dekat mana ye?**

EMH: Sini jah kat Che Latiff

**NNK: Untuk persediaan dia mewarisi selepas ini kan, Encik Zuhairi itu dia diberi *guidance* [petunjuk] dok?**

EMH: Ha dia tengok lah kita ajar. Dia *mugo* [pun] lepas Universiti, dia pandai sendiri dia lah.

**CRF: Dia pun memang berminat lah intuk ambil *take over* [ambil alih] ini?**

EMH: Dia minat, anak saya tak minat.

**CRF: Encik *takdok gapo* itu syorkan kepada anak encik jntuk jaga Cik Minah Songket dan Batik ini?**

EMH: Takdok, dia takleh paksa. Biar dia sendiri dia.

**CRF: Tak pernah la dulu dulu?**

EMH: Tak pernah.

**CRF: Encik tak menentukan la kerjaya anak?**

EMH: *Dok takdok*. Masing masing.

**CRF: Kalau kos yang dia ambil Encik ada nilai dulu *dok* sebelum --**

(Mencelah)

EMH: *Takdok* dia pilih sendiri tak kisah.

**CRF: Encik hanya mengikut lah?**

EMH: Mengikut apa yang dia nak.

**CRF: Takde kata ini kena ambik - -**

EMH: Tak ada -, dia pilih sendiri *belako* [semua] mudah.

**CRF: Atas dia *belako*?**

EMH: Ya, atas dia blako.

**CRF: Dari segi pekerjaan ini Encik ada kerunsingan tak macam kalau dia ambil kos ini dapat kerja molek *dok*?**

EMH: *Takdok*

**CRF: *Takdok gapo*? [Tak ada apa]?**

EMH: *Takdok*. *Takdok*, rasa biasa. Keluar universiti pergi Interview [temuduga] boleh *hokni* [yang ini]

**CRF: Kiranya kelancaran hidup saja lah?**

EMH: Ha, maknanya - - tawakal lah. Tawakal dan kita kena pergi cari.

(Mencelah)

**CRF: Ikut *flow* [aliran]? *tak kan duk senyap jah kei* [Tak boleh senyap saja]**

**NNK: Encik Zuhairi itu anak kepada adik beradik - -**

(Mencelah)

EMH: Hajah Kalsom



**CRF: Hajah Kalsom ini duduk dengan sape sini?**

EMH: Duduk sini.

**CRF: Ha duduk -?**

EMH: Ha takdok, dia duduk *sore* [seorang] - - dia saja. Suami dia tak ada dah.

(Mencelah)

**CRF: *Sore?* Jadi Encik Zuhairi ada rumah sendiri?**

